



قاسم بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 13

RABU 28 MAC, 1984.

رابعو 25 جمادي الاخير 1404

PERCUMA

Kebawah D.Y.M.M. berangkat pulang

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah selamat berangkat pulang selepas melakukan lawatan tiga hari ke Negara Malaysia, atas undangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia pada hari khamis lepas.

Juga berangkat pulang bersama-sama Baginda ialah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkihah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan, serta lain-lain kerabat Diraja.

Bersama-sama pulang dengan rombongan Diraja ialah Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Datin.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa untuk mengalu-alukan keberangkatan Baginda berdua dan rombongan Diraja ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah, dan kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Juga berada di Lapangan Terbang ialah Menteri Undang-undang dan Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, para perwakilan dan diplomat asing di negara ini, dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan.

Sejurus selepas keberangkatan tiba rombongan Diraja.

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang diiringi oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sedang dijunjung ziarah oleh isteri salah seorang pembesar negara sejurus setelah keberangkatan tiba Baginda berdua.

Dalam perkara yang boleh dimajukan:

KERAJAAN SEDIA BERI KERJASAMA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas bersabda, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Perhubungan sentiasa bersedia memberi kerjasama kepada pertubuhan-pertubuhan perniagaan negara ini dalam perkara yang boleh dimajukan sesuai dengan kehendak serta dasar yang ditentukan.

Ke arah usaha tersebut, kata Y.A.M. pertubuhan-pertubuhan perniagaan perlu mengadakan kerjasama yang rapat bagi mengusahakan sesuatu perkara untuk meningkatkan kemajuan ekonomi dan sosial yang teratur menurut undang-undang.

Seiring dengan itu, Kerajaan tegas Y.A.M. berhasrat untuk mempelbagaikan ekonomi negara ini serta meningkatkan taraf kehidupan rakyat melalui berbagai skim yang telah ditentukan.

Untuk mencapai matlamat tersebut, pertubuhan-pertubuhan perniagaan perlu mengkaji secara konstruktif mengenai pertolongan yang akan diberikan oleh Kerajaan, termasuk menyiasat masalah dan kelemahan yang terdapat serta seterusnya berusaha pula mengatasi.

Demikian antara lain yang disabdakan oleh Menteri Undang-Undang dan Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin di majlis pembukaan rasmi

Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkihah Ahad lepas.

Y.A.M. memberi misalan ketika ini terdapat keadaan yang tidak menyenangkan dalam sistem perusahaan pengangkutan awam. Jabatan Kenderaan Darat sedang giat untuk mengadakan sistem yang rasional berasaskan kerjasama di antara empunya-empunya kenderaan bagi menyusun pengangkutan yang bersistematis.

Bagi mengusahakan kerjasama seperti ini tegas Y.A.M. sememangnya adalah sukar kerana ia merupakan corak yang baru.

"Walaupun bagaimanapun dengan adanya tokoh-tokoh Peniaga Melayu, saya percaya masalah tersebut akan dapat diatasi kerana tanpa penyelesaiannya sudah tentu akan mewujudkan sistem pengangkutan yang tidak teratur, malahan melemahkan peniaga-peniaga dan pengusaha," sabda Y.A.M.

Lihat muka 20

Persidangan bentuk peribadi Islam

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Para peserta dan pemerhati khususnya kaum belia Islam yang mengikuti Persidangan Belia Islam Asia Tenggara dan Pasifik setentunya mendapat faedah yang bermenafaat dalam menghayati ajaran-ajaran Islam bagi membentuk keperibadian seseorang umat Islam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah bersabda demikian sejurus sebelum menyempurnakan majlis penutup Persidangan Belia Islam Asia Tenggara dan Pasifik kali pertama anjuran

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Majlis Dakwah Islamiah Serantau bagi Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) dan Perhimpunan Belia Islam Sedunia (WAMY) bertempat di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini petang Jumaat lepas.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghargai para penceramah yang menulis kertas kerja yang terdiri dari tokoh-tokoh Islam dari luar negeri yang merupakan pejuang-pejuang Islam dalam usaha menegakkan ajaran-ajaran Allah s.w.t.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda dengan tercapainya tujuan persidangan tersebut selaras dengan tema menuju ke arah memahami dan mendekati keperibadian belia-belie Islam menurut ajaran-ajaran Islam dalam mempereratkan sesama umat Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh adik Ak. Salim bin Pg. Haji Amin, Naib Johan musabiqah Al-Quran Sekolah-sekolah Ugama seluruh negara 1983. Terdahulu sebelum itu turut menyampaikan sembah ucapan ialah Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Persidangan Belia Islam bagi Asia Tenggara dan Pasifik, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Sebaik-baik sempurna sabda penutup persidangan tersebut oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Lihat muka 20

MANISNYA IMAN

"Apakah hukum Jahiliyah yang mereka cari? Hukum siapakah yang lebih baik dari hukum Allah bagi kaum yang yakin?" — makna ayat 50 surah Al-Maidah.



Pelita Brunei

28 Mac, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

PERSIDANGAN BELIA ISLAM:

KETETAPAN YANG MENYATAKAN KEINSAFAN BELIA

PERSIDANGAN Belia Islam bagi Asia Tenggara dan Pasifik yang julung-julung kali diadakan di negara ini telah tamat dengan membuat ketetapan yang pada keseluruhannya

menegaskan lagi komitmen belia-belia dalam pembangunan ummah yang menuju pelaksanaan ajaran dan hukum-hukum Islam sepenuhnya.

Terhadap negara ini, Persidangan telah sebulat suara mengambil ketetapan menyatakan sanjungan yang tinggi akan kekaguman yang mendalam di atas usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda bagi langkah-langkah yang telah diambil ke arah pelaksanaan Islam. Mengenai hal ini tentulah mereka mempunyai sebab untuk merumuskan ketetapan yang sedemikian itu setelah menyaksikan sendiri dan meneliti kedudukan Islam di negara kita di mana ianya bukan setakat amalan agama tetapi telah mencorakkan cara hidup rakyat dan penduduk dan berpengaruh ke atas hal-ehwal negara.

Di antara tiga belas perkara yang diputuskan di akhir persidangan selama seminggu itu ialah rayuan kepada pertubuhan-pertubuhan Islam serantau dan antarabangsa termasuklah juga kepada Kerajaan kita supaya mengambil langkah-langkah yang konkrit bagi menubuhkan suatu Perkhidmatan Sukarelawan Islam (Muslim Volunteer Service Corps). Ketetapan ini ialah berikutan dari kesedaran para belia akan tanggungjawab mereka dalam sumbangan mereka kepada kemajuan ummah. Perkhidmatan Sukarelawan Islam yang

sedemikian itu dipercayai akan membolehkan belia-belia Islam memberikan khidmat sumbangan masing-masing secara menawarkan kebolehan serta bakat mereka terhadap negara-negara Islam dan masyarakat-masyarakat yang mungkin boleh mempergunakan mereka.

Perkhidmatan Sukarelawan Islam menerusi bidang-bidang kemahiran belia-belia mungkin seperti perkara baharu dalam pergerakan Islam. Tetapi jika diteliti ianya mempunyai pertalian dengan tradisi gerakan dakwah Islamiah sejak zaman berzaman, cuma bezanya gerakan dakwah di zaman lampau itu sepenuhnya dilakukan oleh orang-orang perseorangan yang mempunyai semangat serta kesedaran mengembangkan agama Allah, sedangkan pada masa ini kesedaran yang sedemikian itu telah menjadi suatu gerakan yang tersusun dan ditunjangi dengan bantuan kewangan yang banyak oleh pihak-pihak yang berkenaan di negara-negara Islam. Setakat ini memang sudah ada pertubuhan-pertubuhan yang mendapat tunjangan kewangan dari pihak-pihak berkenaan Kerajaan di negara-negara Islam seperti Pertubuhan Rabbith Al-Islam Al-Islami telah pun bergerak bukan sahaja untuk menawarkan bantuan dalam bidang dakwah bahkan juga dalam bidang-bidang kemajuan Islam dan umat Islam umumnya. Kerana itu, pada hemat kita, rayuan Persidangan bagi penubuhan Perkhidmatan Sukarelawan Islam

dalam ertikata bagi membolehkan belia-belia yang mempunyai bakat dan kebolehan menyumbangkan khidmat bakti mereka kepada Islam dan umat Islam adalah dapat dikaji dalam rangka pergerakan Islam menerusi pertubuhan-pertubuhan yang telah banyak memberikan khidmatnya. Dalam pada itu tentulah kita menyedari bahawa Perkhidmatan Sukarelawan Islam dalam konteks Rantau Asia Tenggara dan Pasifik memerlukan pendekatan yang teliti sekira-kira tujuannya yang murni dapat ditahamkan dan tidak disalah-ertikan.

Kita sangat bangga dan bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. bahawa Persidangan Belia Islam itu telah berlangsung dengan baik di mana kita mendapat pengalaman yang berharga daripadanya. Selain daripada ketetapan dan keputusan yang diambil yang pada umumnya menyatakan keinsafan para belia terhadap masa depan ummah dan keazaman mereka untuk menjamin kemuliaan serta keahluannya di dunia yang penuh cabaran ini, Persidangan itu sebenarnya telah membuka era baru kepada negara kita dalam menempati kedudukannya yang wajar di kalangan negara-negara Islam yang juga sama berperanan dalam menegakkan syiar Islam. Dan dengan itu sekali lagi kita mendapati bahawa Islam telah berjaya kepada rakyat dan negara ini dengan secara member-talikan dan menghubungkan dengan negara dan umat Islam di seluruh dunia.

LAPORAN PERSIDANGAN BELIA ISLAM BAGI ASIA TENGGARA DAN PASIFIK

Sekretariat Persidangan Belia Islam bagi Asia Tenggara dan Pasifik yang diadakan pertama kalinya di Negara Brunei Darussalam selama seminggu mulai 18 Mac telah mengeluarkan laporan perjalanannya dan juga keputusan-keputusan yang diambil di dalamnya.

Dalam laporan lapan perkara itu Persidangan antaranya telah mencatatkan ucapan sembah kesyukuran Ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan Baginda merasmikan Pembukaan Persidangan dengan mengingat bahawa titah Baginda dalam Majlis tersebut yang mengandungi galakkan dan nasihat yang akan menjadi ingatan selaku panduan kepada peserta-peserta Persidangan.

Laporan itu juga menyebutkan bahawa peserta-peserta yang datang dari beberapa buah negara di rantau Asia Tenggara dan Pasifik sukacita menyatakan penghormatan di atas urusan yang sangat memuaskan serta juga layanan yang baik yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan selama mereka berada di Negara Brunei Darussalam yang indah.

Sebanyak tujuh buah kertas kerja telah dibentangkan dalam Persidangan dengan tajuk masing-masing :

- 1) Ke arah Masyarakat Islam — Peranan Belia, disampaikan oleh Yang Berhormat Encik Anuar Ibrahim dari Malaysia;
- 2) Pelaksanaan Agama Islam — Pengalaman Brunei, disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar dari Brunei;
- 3) Masalah-masalah Kekeluargaan dan Kemasyarakatan Belia — Jawapan Islam, disampaikan oleh Dr Abdul Hameed Abu Solyman, dari Saudi Arabia;
- 4) Peranan Ibadat Dalam Pembentukan Shakhshiah Islamiyah, disampaikan oleh Profesor Ismail Al-Faruqi dari Amerika Sharikat ;
- 5) Pergerakan Belia Islam Mutakhir — Pencapaian dan Penghadan, disampaikan oleh Dr Ahmad Totonji dari Perhimpunan Belia Islam Sedunia yang berpusat di Riyadh;
- 6) Kebudayaan Barat dan Pilihan Islam, disampaikan oleh Dr Anis Ahmad dari Pakistan dan
- 7) Ke arah Pergerakan Belia Islam Yang Berkesan, disampaikan oleh Dr Hisham Yahya Al-Talib dari Amerika Sharikat.

Persidangan selama seminggu itu telah juga dihadiri oleh wakil-wakil daripada Majlis Dakwah Islam Rantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP), Perhimpunan Belia Islam Sedunia (WAMY), Persekutuan Pelajar Islam Antarabangsa (IIFSO), Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Kementerian Wakaf dan Hal-Ehwal Islam Kuwait dan Universiti Mohd Ibnu Saud, Saudi Arabia.

Selain daripada mendengar kertas-kertas kerja dibentangkan, Persidangan juga telah berpeluang mengikuti ucapan daripada Drs Mohd Siddiq dari Pertubuhan Persidangan Islam, Sheikh Nadir Al-Nuri dari Kementerian Wakaf dan Hal-Ehwal Islam Kuwait, dan daripada Profesor Jaafar Sheikh Idris dari Universiti Mohd Ibnu Saud, Saudi Arabia.

Dalam masa Persidangan telah juga diadakan dialog di antara peserta-peserta dengan Pertubuhan-pertubuhan Islam Antarabangsa yang dijemput menghadiri Persidangan.

KEPUTUSAN

Dalam satu sidang penuh di akhir Persidangan, beberapa keputusan telah dibuat.

* Para peserta yang terdiri daripada Belia-belia Islam di Rantau Asia Tenggara dan Pasifik menegaskan lagi bahawa dalam isu belia dan identiti Islam mereka penuh percaya hanya agama Islam sahaja yang dapat memberikan prinsip-prinsip universal dan menyeluruh serta pimpinan untuk keamanan, harmoni dan kemajuan bagi seluruh umat manusia dan mereka berseru kepada seluruh umat Islam supaya melaksanakan Sistem Islam;

* Mereka sebulat suara menyatakan kekaguman yang mendalam di atas usaha-usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda bagi langkah-langkah yang telah diambil ke arah pelaksanaan Islam, dan mereka berdoa semoga Allah s.w.t. akan memberi rahmat dan hidayah ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda;

* Para peserta mengakui sepenuhnya fakta asasi bahawa konsep ibadat adalah meliputi semua tingkah-laku bagi mencapai keredaan Allah s.w.t. dan bukan cuma semata-mata asas-asas ritual pengabdian diri terhadap Allah;

* Para peserta sepenuhnya menyedari kepentingan ibadat yang paling utama dalam perkembangan watak perseorangan menurut Islam. Kerana ini mereka berikrar untuk meningkatkan amal ibadat masing-masing dalam usaha untuk menjadi hamba Allah dan khalifah Allah di atas muka bumi ini;

* Para peserta menegaskan lagi akan kepentingan keluarga sebagai satu institusi untuk mewujudkan sosial, ideologi, kebudayaan dan memperkayakan rohani ummah serta sebagai institusi pendidikan yang pertama dan sangat berpengaruh;

* Menyedari akan tanggungjawab mereka bagi memberikan sumbangan kepada kemajuan ummah, maka para peserta Persidangan dengan rendah hati tetapi ikhlas dan jujur menawarkan perkhidmatan mereka kepada masyarakat Islam yang mungkin boleh mempergunakan sebarang kebolehan yang para peserta miliki. Maka untuk tujuan ini, para peserta merayu kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Majlis Dakwah Islam Rantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP), dan kepada Perhimpunan Belia Islam Sedunia (WAMY) supaya mengambil langkah-langkah yang konkrit bagi menubuhkan suatu Perkhidmatan Sukarelawan Islam (Muslim Volunteer Service Corps) untuk membolehkan belia-belia Islam berkhidmat secara menawarkan kebolehan serta bakat mereka kepada Negara-Negara Islam dan masyarakat-masyarakat yang mungkin boleh mempergunakan mereka. Kerana itu mereka seterusnya merayu bagi penubuhan Tabung Kewangan bagi membolehkan Perkhidmatan Sukarelawan Islam yang dicadangkan itu dapat ditubuhkan;

* Menyedari bahawa kebudayaan Barat sebagaimana juga kebudayaan di Timur telah gagal dalam memberi jawapan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia, maka para peserta Persidangan meminta Ulama-Ulama Islam (Muslim Scholars), Pemimpin-pemimpin Islam dan Pergerakan-pergerakan Belia untuk mengambil langkah yang praktikal menerusi perbincangan-perbincangan akademik serta contoh-teladan yang konkrit bagi menun-jukkan huraian-huraian yang diberikan oleh Islam kepada mereka;

* Para peserta Persidangan merayu kepada pertubuhan-pertubuhan yang bukan bersifat Kerajaan supaya mengambil langkah bagi menimbulkan dengan secepat-cepatnya kebudayaan Islam dan bagi menubuhkan forum di mana pertukaran kebudayaan boleh dilakukan;

* Para peserta Persidangan berikrar untuk melibatkan sepenuhnya kekuatan, usaha serta intelek mereka bagi tujuan merumuskan semula dan penjelmaan sepenuhnya masyarakat Islam yang mesti diasaskan di atas ajaran-ajaran Islam;

* Menyedari akan keperluan bagi mengislamkan ilmu pengetahuan maka para peserta Persidangan berikrar akan berusaha sepenuhnya bagi mengubah sistem pendidikan sekarang kepada suatu sistem berdasarkan takwa dan tauhid;

* Menginsafi akan keperluan bagi menyediakan diri untuk memenuhi tanggungjawab di masa hadapan selaku orang-orang dewasa dan anggota masyarakat maka para peserta Persidangan bersedia menyerahkan diri masing-masing untuk berkhidmat kepada Allah s.w.t.;

* Para peserta Persidangan akan berusaha bagi memper-baiki diri mereka dan pertubuhan masing-masing supaya mereka dan pertubuhan mereka akan menjadi lebih berkesan dalam usaha melaksanakan cara hidup Islam di kalangan mereka dan masyarakat masing-masing;

* Para peserta Persidangan akhirnya berdoa kepada Allah s.w.t. untuk memimpin dan memelihara mereka dan seluruh umat Islam serta memberi mereka rahmat di dunia dan di akhirat.

DOA KESYUKURAN

MENTIRI — Penduduk kampung di sini baru-baru ini telah mengadakan majlis doa kesyukuran sempena Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Awang Haji Mohamad bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara yang juga berucap di majlis itu.

Di samping doa kesyukuran majlis itu juga diselenggarakan dengan sembahyang Maghrib dan Isyak berjemaah dan zikir marhaban.

PERTANDINGAN QURAN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lapan orang peserta termasuk empat orang perempuan akan bertanding dalam peraduan membaca Al-Quran peringkat dewasa bagi kawasan Brunei V yang akan diadakan di Masjid Kampong Mentiri pada 30 Mac depan.

Johan dan naib johan kedua-dua bahagian di pertandingan itu akan mewakili kawasan tersebut ke pertandingan peringkat separuh akhir yang dijangka berlangsung pada pertengahan bulan April depan.

Ceramah

SEMPENA Hari Kesihatan Sedunia, Klinik-Klinik Kesihatan Kebajikan Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak akan menganjurkan ceramah-ceramah secara kumpulan dan pertunjukan kepada ibu-ibu mengenai dengan "Pencegahan Kemalangan-Kemalangan Di Rumah".

Ceramah-ceramah tersebut akan diadakan pada 7 hingga 9 April depan di klinik-klinik di keempat-empat daerah mulai 9.00 pagi.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang dan Perhubungan ketika menarik tirai bagi menandakan rasminya pembukaan masjid tersebut.

IBADAT PUNCA KEKUKUHAN PERIBADI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ibadat yang didorong oleh iman kepada Allah dan yang diikuti oleh amal salih adalah punca kekukuhan peribadi orang Islam.

Dengan kekukuhan peribadi maka masalah-masalah sosial dan kekeluargaan dapat diatasi dengan baik. Menurut ajaran-ajaran Islam, kekukuhan peribadi yang berlandaskan ajaran-ajaran Islam juga yang dapat menempuh dan menghadapi dengan kebala segala pengaruh yang tidak baik termasuklah kebudayaan barat yang tidak senonoh.

"Di samping itu gerakan-gerakan belia Islam termasuklah di bidang dakwah dan ilmu pengetahuan sains dan teknologi perlu disusun dan dipesatkan lagi bagi mencapai matlamat terbentuknya masyarakat Islam yang kukuh dan bersatu padu yang hidupnya menurut ajaran-ajaran Islam yang bersendikan Al-Quran, Hadis-hadis Nabi, Ijmak dan Qias."

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Persidangan Belia Islam Rantau Asia Tenggara dan Pasifik menegaskan demikian dalam sembah alu-aluannya di majlis penutupan rasmi persidangan tersebut pada petang Jumaat lepas seterusnya berkata persidangan ini telah berhasil pada menghuraikan pendekatan yang mendalam tentang beberapa perkara penting yang berhubung dengan belia Islam antaranya ialah:

* Keperibadian dan peranan ibadat di kalangan belia-belia Islam dengan menjadikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai contoh dan teladan yang wajib diikuti.

* Masalah kebudayaan barat yang melanda dunia Islam mas kini ternyata merupakan kebudayaan yang kosong dari segi kerohanian yang membawa keruntuhan akhlak dan kehancuran manusia dari segi

spiritual dan ugamanya. Oleh itu belia-belia Islam yang inginkan bentuk kehidupan yang bermaruah, tidak ada jalan lain hanyalah berpegang teguh kepada agama Islam, agama Islam pernah membentuk kebudayaan yang agung di zaman silam, dan kebudayaan itu boleh diulangi kehadirannya semula di zaman ini dan di zaman yang akan datang dengan syarat belia-belia Islam sendiri berusaha dengan gigih dan amanah pada mendukung iman dan amal salih.

* Pergerakan-pergerakan belia Islam sekarang ini adalah suatu kenyataan yang wujud di mana-mana, di samping ia menanamkan kerohanian menurut ajaran-ajaran Islam, maka ia juga mengambil kira akan ilmu pengetahuan di bidang sains dan teknologi yang mana ilmu pengetahuan sedemikian sangat diperlukan bagi kehidupan umat Islam dan umat manusia di dunia dan di akhirat.

* Belia-belia Islam mempunyai peranan yang besar dalam membentuk masyarakat Islam, dan peranan ini hanya akan berkesan dengan baik jika belia-belia itu sendiri terlebih dahulu dididik dan diasuh dengan akidah Islam yang sebenarnya, dan ia menjadi manusia beriman kepada Allah dan beramal salih menurut ajaran-ajaran Islam.

* Pengalaman Negara Brunei Darussalam dari segi pelaksanaan Ugam Islam sebagai suatu cara hidup yang diamalkan oleh rakyat dan penduduknya adalah sebahagian daripada usaha-usaha besar Islamisasi di negara-negara dan masyarakat Islam yang lain.

PERIBADI

Azab siksa meninggalkan sembahyang

KAMPONG BERIBI. — Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugam telah menerangkan beberapa buah ayat Al-Quran dan peristiwa yang benar-benar berlaku betapa orang yang meninggalkan sembahyang itu akan menerima azab dan siksa yang pedih dengan habuan neraka jahanam.

Y.B. juga telah menceritakan beberapa pendapat ulama mengenai erti Al-Ghayy. Katanya ramai ulama berpendapat bahawa Al-Ghayy itu ialah sebuah jurang di dalam neraka jahanam yang sangat dalam dan panas yang disediakan bagi orang-orang yang me-

ninggalkan sembahyang dan meninggalkan jemaah.

Ada pula yang berpendapat Al-Ghayy itu ialah sebuah sungai di Neraka Jahanam yang sangat dalam dan panas serta busuk baunya. Jika setitis airnya jatuh di bumi nescaya hancur dan matilah semua penduduk bumi.

Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugam mengambil kesempatan menceritakan pendapat-pendapat ulama tersebut dalam sembah alu-aluannya di majlis pembukaan rasmi Masjid Kampung Beribi pada hari Jumaat lepas sebagai pengajaran dan peringatan kepada umat Islam betapa kewajiban sembahyang itu paling utama yang mesti ditunaikan.

Y.B. seterusnya menyambung dengan satu peristiwa yang benar-benar berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. di mana seorang pemuda bangsa Arab telah meminta bantuan kepada Rasulullah untuk

Abas, Menteri Undang-Undang dan Perhubungan menegaskan demikian ketika bersabda sejurus sebelum merasmikan bangunan Masjid Kampung Beribi pada hari Jumaat lepas.

Y.A.M. seterusnya memuji semangat perpaduan penduduk kampung tersebut yang mana sebelum terbina bangunan masjid baru yang indah di kampung itu beberapa buah surau tempat beribadat telah didirikan oleh penduduk kampung tersebut sejak tahun 1910.

"Semangat yang disebutkan itu adalah penting bukan sahaja pada meluaskan perkembangan agama Islam di negara ini bahkan ia adalah penting pada mewujudkan suasana aman damai

menyempurnakan jenazah ayahnya yang baru meninggal dunia. Lantas Rasulullah menyeru sahabat Banginda Abu Bakar dan Umar r.a. membantu pemuda tersebut. Mereka dapati mayat itu telah berubah seperti babi hutan yang hitam. Hal itu telah diadukan kepada Rasulullah. Akhirnya Nabi sendiri pergi mendapatkan mayat itu lantas berdoa dan mayat itupun kembali seperti semula.

Tetapi setelah orang mengubur mayat tersebut, mereka melihat ia kembali berubah menjadi babi hutan yang hitam, lalu Rasulullah s.a.w. bertanya kepada pemuda tadi apakah yang dibuat oleh ayahnya semasa hidupnya. Pemuda itu menjawab ayahnya tidak mengerjakan sembahyang.

Maka Nabi s.a.w. pun bersabda: "Hai para sahabatku, lihatlah keadaan orang yang meninggalkan sembahyang akan dibangkitkan oleh Allah Ta'ala di hari Kiamat seperti babi hutan yang hitam."

yang diperlukan dalam usaha-usaha Kerajaan dalam pembangunan ekonomi dan sosial demi untuk menjamin masa hadapan rakyat dan penduduk negara Brunei yang sama-sama kita cintai ini, terutama sekali dalam usaha Kerajaan pada menyaingi negara-negara yang telah jauh bertamadun," sabda Y.A.M.

Masjid baru yang indah itu siap dibina hujung tahun lepas dengan perbelanjaan sebanyak \$800 ribu dan boleh menampung 600 orang jemaah. Pembinaan masjid tersebut adalah salah satu dari Rancangan Kemajuan Negara.

Majlis hari itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Talib bin Samsu dan disusuli dengan sembah alu-aluan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembukaan Rasmi masjid tersebut, Awang Haji Shukor bin Haji Pakar.

Turut menyembahkan alu-aluannya ialah Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugam.

Penduduk kampung berkenaan juga telah menyembahkan cenderamata kepada Menteri Undang-undang dan Perhubungan atas kemurahan hati Y.A.M. itu menyempurnakan majlis tersebut.

Majlis berakhir dengan menunaikan sembahyang far-du Jumaat yang juga dihadiri oleh para peserta dan tetamu-tetamu Persidangan Belia-belia Islam Bagi Rantau Asia Tenggara dan Pasifik yang berlangsung selama seminggu di negara ini mulai 18 Mac yang baru lalu.

Pembukaan rasmi masjid tersebut juga adalah sebahagian dari acara bersempena dengan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

PERHIMPUNAN DI MASJID BERI ERTI KEPADA PENGHIDUPAN

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 28 Mac hingga 3 April 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	28.3.1984	Rabu	3.30-4.00 "
Sekolah Melayu Pengkalen Batu	28.3.1984	Rabu	4.30-5.30 "
Sekolah Melayu Masin	28.3.1984	Rabu	8.30-9.30 pagi
Sekolah Melayu Jerudong	31.3.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Pusat Tahanan Jerudong	31.3.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Sengkurong	31.3.1984	Sabtu	8.30-9.30 pagi
Sekolah Ugam Sengkurong	31.3.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	31.3.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	31.3.1984	Sabtu	2.30-3.00 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	2.4.1984	Isnin	2.00-3.00 petang
Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan, Berakas,	2.4.1984	Isnin	3.30-4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	3.4.1984	Selasa	8.30-9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	3.4.1984	Selasa	10.30-11.30 "

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

WANITA ISLAM (Bahagian VI) Siri ke-219

ISTERI BERMESRA DENGAN LELAKI ASING

BERHUBUNG dengan seorang isteri yang mengaku bersaudara dengan seorang laki-laki yang halal nikah dengannya, sebagai saudara mahram, isteri itu menampakkan auratnya kepada laki-laki itu (iaitu aurat yang boleh nampak waktu perempuan membuat sesuatu kerja di rumah), di hadapan suaminya, dan suaminya tiada ambil hirau hal itu dan tiada ada perasaan ghairah (cemburu), dan ia menyangka itu suatu kebajikan dan bagus pada syarak, kerana di antara keduanya ada perhubungan jiran dan kemesraan, jikalau suami melarang, maka isteri tiada mengambil peduli, dan menimbulkan kemarahan isteri, apabila suami keluar dari rumah, perempuan itu bersendirian dengan laki-laki itu berbual-bual sama ada siang atau malam, kerana kasihan perempuan itu keseorangan. Perbuatan dan pergaulan isteri dengan orang asing yang begitu rupa adalah berlawanan dengan Syariat Nabi Muhammad s.a.w., dan dakwaan perbuatan itu baik adalah dusta, dan suami itu orang dayus, tiada pedulikan kejahatan dan keburukan yang berlaku di antara isteri dan orang asing sebegitu rupa, ini bukan dari perkara yang disebutkan Ulama bahawa

hendaklah kita pandang tiap-tiap orang Islam adalah baik dan berjalan di atas ugama Islam. Anggapan itu hanya boleh dikatakan pada orang Islam yang tiada menampakkan keburukan kelakuannya, dan bila ia menampakkan keburukan kelakuannya, maka kita mestilah menjalankan hukum had (denda) di atasnya, maka wajib di atas siapa yang mengetahui perkara perempuan dengan orang asing itu, mengingkarkan (cegah) dengan tangan, kemudian dengan lisan, kemudian dengan hati, mengikut sedayaupaya pada memberhentikan kemungkaran perbuatan perempuan dengan orang asing itu, dan hendaklah ketiga-tiga orang itu: Perempuan, suami perempuan, dan orang laki-laki asing itu ditakzir (diberi amaran) dan diambil tindakan oleh hakim syarak (pemerintah negeri).

Keterangan dalil Fatwa itu ialah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim dan lain-lain Ulama hadis daripada sahabat Abu Hurairah r.a., daripada Nabi s.a.w. yang sabdanya bererti:

"Bahawa Allah s.w.t. telah menulis dan menetapkan ke atas anak Adam manusia itu habuan dari zina dan pelacuran, dia mesti melakukan zina itu dengan tiada boleh tidak, sama ada kerana dua biji matanya iaitu dengan melihat perempuan, dan dua cuping telinga, zinaanya mendengar (seper-

ti lagu-lagu asmara dan lakonan lucu di radio), dan kerana mulut, zinaanya bercakap (seperti kata-kata asmara dan lucu), tangan itu zinaanya kerana melangkah ke tempat perempuan, dan hati manusia itu selalu bercita-cita hendak melakukan zina dan berangan-angan dan hati itu menjalankan operasi zina atau menahan operasi zina itu."

Suatu hadis diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dan kitabnya Al-Mukjam Al-Kabir daripada sahabat Makqil bin Yasar r.a. daripada Nabi s.a.w. telah bersabda yang ertinya:

"Kepala seorang itu dicucuk dengan jarum besi lebih baik dari ia menyentuh badan perempuan yang tiada halal ia menyentuhnya."

Jangan cuba-cuba berkhawat.

Al-Imam At-Tabarani meriwayatkan dalam Al-Mukjam Al-Kabir daripada sahabat Abi Umamah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: yang ertinya:

"Hubaya-hubaya jangan kamu berkhawat dan bersendirian dengan perempuan, demi diri saya di bawah kuasa Allah, sesungguhnya orang laki-laki yang bersendirian dengan perempuan itu, maka tiada syak bahawa syaitan akan jadi orang tengah bagi melakukan zina, dan demi seorang laki-laki bersesak-sesak dengan kaki babi yang berlumpur dengan tanah atau tanah hitam yang baunya busuk lebih baik

daripada bersesak-sesak dengan perempuan yang tiada halal kepadanya."

Suatu hadis diriwayatkan oleh Al-Hakim dalam kitabnya Asrarul Haj daripada sahabat Saad bin Masud daripada Nabi s.a.w. bahawa Nabi bersabda yang ertinya:

"Hubaya-hubaya jangan kamu bercakap-cakap dengan perempuan, kerana seseorang laki-laki yang bersendirian dan berkhawat dengan seorang perempuan dan bukan mahram kepada perempuan itu, maka laki-laki itu akan berazam dan bercita-cita pada mengacau dan berhajat pada perempuan itu."

Suatu hadis diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dalam Al-Mukjam Al-Kabir daripada sahabat Abi Umamah r.a. daripada Nabi s.a.w. telah bersabda yang ertinya:

"Demi kamu turunkan pandangan kamu dari memandang perempuan, dan demi kamu pelihara kemaluan kamu dari zina, dan kamu luruskan muka kamu, atau demi Allah Taala menghapuskan cahaya muka kamu atau Allah menjadikan kamu hina."

Suatu hadis diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dan Al-Hakim daripada sahabat Ibnu Masud r.a. daripada Nabi s.a.w. telah bersabda: Telah berfirman Allah Taala:

"Pandangan kepada perempuan itu suatu anak panah yang beracun dari anak-anak panah iblis,

barangsiapa meninggalkan dari memandang perempuan itu, kerana takutkan azab Aku (Allah), nescaya Aku gantikan iman yang ia dapati kemanisan itu di dalam hatinya (orang itu orang beriman yang cukup sempurna imannya atau orang itu orang baik pada Allah Taala)."

Suatu hadis sahih bererti:

Pada tiap-tiap pagi setiap hari, ada dua Malaikat berseru celakalah laki-laki kerana godaan perempuan, dan celaka perempuan kerana buruan laki-laki. (Pada pagi-pagi hari dua Malaikat berdoa celaka akan orang laki-laki perempuan bercampur gaul di jalan-jalan dan di opis dan lain-lain).

Suatu hadis diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani yang ertinya: "Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan kepada Hari Yang Akhir, maka janganlah ia berkhawat dengan perempuan yang bukan mahramnya."

Tegasnya:

Suatu hadis diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim yang ertinya: "Hubaya jangan kamu pergi berjumpa perempuan, maka berkata seorang yang hadir, Ya Rasulullah, bagaimana pada pendapat tuan hamd tentang 'Hamoun', maka sabda Rasulullah: Hamoun itu membawa maut (erti Hamoun itu ialah kerabat suami seperti saudara laki-lakinya dan sepupu laki-lakinya daripada bapa saudara-saudara sebaapa)."



Maka kiranya kerabat suami itu dilarang dari berjumpa dengan isteri, bagaimana pula orang-orang laki-laki asing, tentu lebih aila, lebih utama dilarang berjumpa dan bergaul dengan isteri, dan berkhawat dan bersendirian dengan isteri, dan kesimpulan pada menegak perkara yang tersebut ialah Firman Allah Taala dalam surah An-Nur ayat 30 yang tafsirannya:

"Katakan olehmu (Ya Rasulullah), kepada orang-orang mukmin laki-laki, supaya mereka menurunkan pandangan mereka dari melihat perempuan, dan memelihara kemaluan mereka dari berzina dan sebagainya semoga dengan berbuat begitu adalah lebih baik bagi mereka, kerana Allah Taala sangat-sangat mengetahui dan menghalusi apa yang mereka buat dengan pandangan mereka dan kemaluan mereka, dan akan membalas di atas kesalahan yang terbit dari pandangan dan kemaluan itu."

Bagi orang yang mempunyai perhatian dan fikiran, maka ayat Al-Quran yang di atas ini cukuplah bagi menyelaamatkan dirinya, kerana di dalamnya terdapat perintah menyuruh beradab bagaimana berbicara dengan perempuan dan bagaimana amaran Allah Taala dalam ayat Al-Quran itu.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

SKIM LATIHAN MENCEGAH KEBAKARAN

TARIKH	HARI	JAM	NAMA KAMPONG/JABATAN KERAJAAN	BALAI BOMBA YANG MENGENDALIKAN	PASUKAN BERTUGAS	TEMPAT LATIHAN
1.4.1984	Ahad	7.00 malam	Kampung Pelambayan, Jalan Kota Batu	Balai Bomba Pusat	'B'	Kampung Pelambayan
2.4.1984	Isnin	7.00 malam	Kampung Sungai Matan, Jalan Kota Batu	Balai Bomba Pusat	'C'	Kampung Sungai Matan
3.4.1984	Selasa	7.00 malam	Kampung Sungai Kedayan 'A' BSB	Balai Bomba Pusat	'A'	Kampung Sungai Kedayan
4.4.1984	Rabu	7.00 malam	Kampung Bukit Salat, BSB	Balai Bomba Pusat	'B'	Kampung Bukit Salat, BSB
5.4.1984	Khamis	7.00 malam	Kampung Sungai Kedayan 'B' BSB	Balai Bomba Pusat	'C'	Kampung Sungai Kedayan
6.4.1984	Jumaat	7.00 malam	Kampung Ujung Bukit, BSB	Balai Bomba Pusat	'A'	Kampung Ujung Bukit
7.4.1984	Sabtu	7.00 malam	Kampung Ujung Tanjong, BSB	Balai Bomba Pusat	'B'	Kampung Ujung Tanjong
8.4.1984	Ahad	7.00 malam	Kampung Serdang, Jalan Kota Batu	Balai Bomba Pusat	'C'	Kampung Serdang
9.4.1984	Isnin	7.00 malam	Kampung Limbongan, BSB	Balai Bomba Pusat	'A'	Kampung Limbongan, BSB
10.4.1984	Selasa	7.00 malam	Kampung Sumbiling Lama, BSB	Balai Bomba Pusat	'B'	Kampung Sumbiling Lama
11.4.1984	Rabu	7.00 malam	Kampung Pengiran Pemanha Lama, BSB	Balai Bomba Pusat	'C'	Kampung Pemanha Lama
12.4.1984	Khamis	2.00 petang	JKR, Bahagian Air, Muara	Balai Bomba Muara	'A'	Balai Bomba Muara
12.4.1984	Khamis	10.00 pagi	Pusat Bimbingan/Latihan Kampong Pulaie (Kebajikan Belia dan Sukan)	Balai Bomba Pusat	'A'	Kampung Pulaie
13.4.1984	Jumaat	7.00 malam	Kampung Sultan Lama, BSB	Balai Bomba Pusat	'B'	Kampung Sultan Lama, B.S.B.
14.4.1984	Sabtu	10.30 pagi	Jerudong Park (Pasukan 'A')	Balai Bomba Pusat	'C'	Jerudong Park
15.4.1984	Ahad	7.00 malam	Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong	Balai Bomba Pusat	'A'	Kampung P. Mata-Mata Gadong
16.4.1984	Isnin	2.00 petang	JKR, Bahagian Air, Tutong	Balai Bomba Tutong	'B'	Balai Bomba Tutong
16.4.1984	Isnin	2.00 petang	JKR, Bahagian Air, Temburong	Balai Bomba Belait	'B'	Balai Bomba Belait
16.4.1984	Isnin	2.00 petang	JKR, Bahagian Air/Gis, Seria & K. Belait	Balai Bomba Pusat	'B'	Balai Bomba Belait
16.4.1984	Isnin	2.00 petang	Bahagian Air, Bandar Seri Begawan	Balai Bomba Belait	'C'	Kampung Mumong, Kuala Belait
17.4.1984	Selasa	7.00 malam	Kampung Mumong, Kuala Belait	Balai Bomba Pusat	'C'	Balai Bomba Mumong
17.4.1984	Selasa	10.00 malam	JKR, Bahagian Pembinaan/M/Tanah/Konkrit	Balai Bomba Belait	'A'	Balai Bomba Belait
18.4.1984	Rabu	2.00 petang	Majlis Belia-Belia Daerah Belait	Balai Bomba Pusat	'A'	Berakas Sub Station, Bomba Airport Lama
18.4.1984	Rabu	10.00 pagi	JKR, Bahagian Bangunan, Brunei	Balai Bomba Pusat	'B'	Berakas Sub Station, Bomba Airport Lama
19.4.1984	Khamis	2.30 petang	JKR, Bahagian Bengkil, Jalan Tasek Lama	Balai Bomba Belait	'C'	Kampung Sungai Teraban
20.4.1984	Jumaat	2.00 petang	Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait	Balai Bomba Pusat	'C'	Kampung Batu Marang
20.4.1984	Jumaat	4.00 petang	Kampung Batu Marang (Pasukan 'A')	Balai Bomba Pusat	'C'	Kawasan J/Penerangan, Jalan McArthur
20.4.1984	Jumaat	2.00 petang	Jabatan Penerangan, BSB, Brunei	Balai Bomba Muara		
20.4.1984	Jumaat	4.00 petang	Kampung Penabai Kuala Tutong	Balai Bomba Pusat		
21.4.1984	Sabtu	10.30 pagi	Jerudong Park (Pasukan 'B')			

SAF PERLU DIBETULKAN

MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan berbuat taat dan takut akan azab-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi orang-orang Islam yang sempurna, yang dirahmati dan berbahagia di dunia dan di akhirat.

MANUSIA SENTIASA DIGODA

Menuju keredaan Allah

KERANA begitu kelemahan-kelemahan yang ada pada umumnya manusia dan begitu pula hebatnya perdayaan-perdayaan dari musuh-musuh yang bernama iblis atau syaitan itu. Maka bagaimana juga berhati-hatinya manusia kadang-kadang terjebak juga ke dalam perangkap syaitan dan iblis sehingga kita akan sering melakukan kesalahan dan dosa kecualilah manusia maksum yang memang telah dilindungi oleh Allah dari kesalahan dan dosa iaitu para Nabi dan Rasul.

Apakah yang menyebabkan kita manusia sering terjatuh ke dalam perangkap iblis dan syaitan itu? Sebabnya ialah bahawa di samping akal yang ada pada manusia ada pula nafsu atau keinginan. Nafsu dan keinginan itu bukannya hanya semacam tetapi berpuluh-puluh macam nafsu atau keinginan hidup.

Ada nafsu terhadap makanan dan minuman, terhadap harta kekayaan dan perhiasan, ada nafsu terhadap kedudukan martabat yang tinggi, pangkat dan kemuliaan, ada nafsu terhadap kesenangan dan kemewahan, lebih-lebih lagi ada nafsu terhadap wanita-wanita bagi lelaki dan terhadap lelaki bagi wanita-wanita dan lain-lain nafsu lagi.

Kesemua nafsu atau keinginan yang dirangkai itu adalah merupakan pintu-pintu yang lebar dan selalu terbuka dan setiap waktu dapat dimasuki oleh syaitan dan iblis untuk memperdayakan kita manusia dan kalau dapat untuknya menyedatkan kita manusia dari jalan yang lurus dan benar.

Manusia sentiasa mendapat godaan yang hebat dan banyak terjerumus ke jurang kesesatan atau dosa sejak hari pertama manusia ditempatkan di permukaan bumi ini. Berfirman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 30 yang tafsirnya:

"Dan ingatlah ketika Allah berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku menjadikan seorang dari pengaruh-pengaruh khalifah di atas bumi yakni syaitan dan iblis.

Adam. Maka jawab mereka itu: Adakah patut Engkau menjadikan seorang khalifah di atas bumi yang akan membuat kebinasaan dan menumpahkan darah berbunuhan-bunuhan sedangkan kami bertasbih memuji-muji Engkau dan mensucikan Engkau? Berfirman Allah Subhanahu Wataala: "Sesungguhnya Aku-lah lebih mengetahui apa yang kamu tidak mengetahui."

Memang sudah ternyata dewasa ini semakin lama semakin ramai manusia anak cucu Adam di permukaan bumi ini, dan semakin banyak pula kerosakan, kedurjanaan dan maksiat yang mereka lakukan. Di antaranya mereka kufur terhadap Allah. Melihat kejadian ini Malaikat di langit mengeluh lalu berkata kepada Tuhan:

"Ya Allah! Alam yang Engkau ciptakan untuk tempat berbakti dan beribadat kepada Engkau sudah dijudikan oleh manusia tempat mengingkari (kufur kepada Engkau), tempat berbunuhan-bunuhan, memakan harta haram, berzina, mencuri, meminum tuak dan lain-lain perbuatan mungkar."

Untuk menghindarkan dari 'tabalurut' kepada runtutan hawa nafsu iblis dan syaitan dan demi menuju ke jalan Siratul-Mustakim maka Allah telah menyarankan kepada kita hamba-hamba-Nya jenis manusia supaya sentiasa memohon perlindungan kepada Allah Subhanahu Wataala engan membaca "Auzubillah minasyaitan nerrajim" pada setiap pekerjaan kita dengan sungguh-sungguh hati dan dengan segenap perasaan dan kesedaran batin. Insya-Allah, iblis dan syaitan tidak akan dapat mempengaruhi kita terhadap kesedaran akal kita itu, kita terhindar dari pengaruh-pengaruh khalifah di atas bumi yakni syaitan dan iblis.

Kita akan mengulang dan menambah lagi penerangan mengenai dengan 'saf sembahyang'. Di antara perkara sunat yang sangat diambil berat oleh Rasulullah s.a.w. ialah tentang saf sembahyang. Menurut Baginda, orang yang berada di saf pertama dalam sembahyang adalah besar pahala dan keutamaannya. Sabda Baginda yang maksudnya:

SAF HADAPAN

"Bahawa Allah memberi rahmat dan Malaikat memohonkan ampun bagi orang yang berada di saf hadapan."

Tetapi sungguhpun begitu, jika saf yang pertama itu sudah penuh maka memadailah dipilih saf belakang sesudahnya. Begitulah cara yang sebaiknya dilakukan, bukan dengan cara bertolak-tolak dan berebut-rebut dengan melangkah ke atas bahu dan belakang orang lain sehingga orang itu merasa tidak senang dan terganggu. Perbuatan seumpama ini adalah ditegah.

SYAITAN MASUK

Adapun yang disuruh berhubungan dengan saf ini selain daripada yang disebutkan di atas ialah

Dalam menghuraikan maksud hadis ini, Al-Ulamah Dato Syed Alwi bin Abdullah Al-Haddad telah menerangkan dalam tulisannya yang tersiar dalam majalah Warta Jabatan Ugama Johor tahun 1976 antara lain berkata:

KERJASAMA

"Dari itu (dalam perkara saf dan barisan ini) hendaklah bahu bertemu dengan bahu dan barisan hendaklah lurus supaya tidak ada yang ke hadapan dan tidak ada yang ke belakang. Dan ini adalah sunat yang diterima daripada Rasulullah s.a.w. dan imam adalah dikehendaki memperbetulkan perkara ini dan mereka yang lebih berhak membuatnya daripada orang lain. Dan kerja ini membawa kepada

"Hendaklah kamu betulkan saf-saf kamu atau (jika tidak) Allah akan membalik-balikkan hati-hati kamu itu menjadi berpecah-belah."

membetulkan saf atau barisan itu jangan sampai bengkok-bengkok atau dibiarkan lapang dan renggang kerana syaitan akan masuk mencelah di antara saf-saf yang renggang sebagaimana sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

"Aku telah nampak syaitan-syaitan masuk di antara saf-saf."

Sabdanya lagi:

"Hendaklah kamu betulkan saf-saf kamu atau (jika tidak) Allah akan membalik-balikkan hati-hati kamu itu menjadi berpecah-belah."

kerjasama di dalam perkara kebajikan menurut firman Allah yang ertinya:

"Hendaklah kamu bekerjasama dalam perkara kebajikan dan takwa dan jangan kamu bekerjasama di atas perkara yang dosa dan permusuhan."

MEMENUHI SAF

Berkata pula Al-Imam Ramlî dalam kitabnya 'An-Nihayah': Adalah sunat bagi imam tidak mengangkat Takbiratul Ihram melainkan sesudah dia membetulkan saf-saf, dan lagi makmum hendaklah turut sama mem-



baiki saf-saf mereka lagi kelebihan pahala yang akan diperolehi. Dan makmum yang mendapati ada tempat lapang di hadapannya hendaklah pergi ke hadapan untuk memenuhi saf itu kerana itu juga adalah sunat menurut bagaimana kata Al-Ulamah Al-Imam Nawawi dalam kitabnya 'Al-Minhaj'.

Demikian sedikit keterangan mengenai dengan memelihara saf atau barisan di dalam sembahyang. Mudah-mudahan ianya berguna dan dapat memberikan kefahaman yang berkesan kepada kita kerana ter-

nyata dalam perkara saf atau barisan ini masih ada sedikit lagi jika pun tidak banyak, orang-orang Islam yang tidak faham ataupun memang tidak mahu mengambil hirau mengemangnya. Kerana itu masih kita dapati di setengah-setengah tempat seperti masjid-masjid dan surau-suru orang Islam bersembahyang dengan saf dan barisan-barisan mereka masih jarang-jarang atau terlalu renggang. Hal yang seumpama ini kita berharap dapat kita atasi dengan sempurna supaya kita beroleh rahmat dan pahala, yang lebih kamil dari Allah Subhanahu Wataala.

"BERSAMA RAKYAT" terbitan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Unit Penerbitan, Jabatan Penerangan di sini setakat ini telah mengusahakan lebih 50 jenis penerbitan sejak ianya mula ditubuhkan di akhir tahun 1981 lalu.

"BERSAMA RAKYAT" adalah terbitan yang baru dikeluarkan oleh unit tersebut di tahun ini. Antara yang terkandung dalam majalah ini ialah Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan Baginda ke Mukim-mukim di Kampong Ayer di Daerah Brunei dan Muara sedikit masa lalu.

Selain dari itu, majalah ini juga memuatkan ulasan Kerajaan ke atas perkara yang membangkit yang disebarkan oleh rakyat sewaktu keberangkatan Baginda ke Kampong Ayer di samping

beberapa siri temuramah dengan YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang ketika ini menjadi Menteri Pelajaran dan Kesihatan dan beberapa siri temuramah dengan Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman Menteri Pembangunan ketika ini.

Di samping itu Unit ini juga ada menjual beberapa jenis buku seperti Brunei Statistic, Perlembagaan, Brunei Annual Report, Peta Pelancongan Brunei dan lain-lain lagi yang boleh dibeli di Jabatan Penerangan di sini di waktu pejabat dibuka.

Seterusnya Unit ini juga dijangka akan menerbitkan 'Majalah Tetamu Negara' yang diharapkan akan diterbitkan pada tahun ini.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28 Mac, 1984 hingga ke hari Selasa 3 April, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	BULAN	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	
28-31	12.30	3.47	3.48	6.33	6.34	7.44	7.45	5.05	4.50	5.06	6.20	6.21
1-3	12.29	3.43	3.44	6.32	6.33	7.44	7.45	5.02	4.48	5.03	6.17	6.18

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Singapura Cambridge 'O' dan 'A' November depan

BERAKAS. — Persediaan-persediaan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge dalam berbagai mata pelajaran pada peringkat 'O' dan 'A' dalam bulan November akan datang.

Syarat kemasukan diperingkat 'O' bagi calon sekolah hendaklah ia sedang berada dalam tingkatan lima. Bagi calon persendirian hendaklah ia lulus dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya selepas dua tahun atau ia telah lulus dari mana-mana maktab perguruan atau maktab yang sebanding dengannya selepas dua tahun.

Di peringkat 'A' pula hendaklah calon itu sekurang-kurangnya telah mendapat tiga mata pelajaran SAP/GCE pada peringkat 'O' dalam sebarang peperiksaan (sekali duduk), atau sebarang peperiksaan yang sebanding dengannya selepas dua tahun.

Calon yang ingin mendaftarkan diri dari salah satu peringkat 'O' atau 'A' dikehendaki menunjukkan dan menyertakan bukti-bukti bergambar akan kelulusan mereka itu bersama-sama dengan borang pendaftaran.

Borang permohonan boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan Brunei, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas. Bayaran masuk peperiksaan hendaklah dibayar dengan wang tunai atau cek kepada Lembaga Peperiksaan.

Borang pendaftaran beserta dengan bayaran dan Sijil-sijil bergambar mestilah sampai ke Lembaga Peperiksaan tidak lewat dari 7 April 1984. Permohonan yang dihantar lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Pendaftaran dibatalkan

DENGAN ini Pendaftar Syarikat-Syarikat Kerjasama, Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan Syarikat Kedai Kerjasama Kampong Buau, Daerah Belait, Syarikat Kedai Kerjasama Kampong Apak-Apak, Daerah Belait, Syarikat Kerjasama Peladang Kampong Kuala Ungar, Daerah Tutong telah dibatalkan pendaftarannya menurut kuasa yang diberikan kepada beliau di bawah Bab 37 dari Undang-Undang Syarikat Kerjasama 1975.

Mana-mana pemegang (creditor) yang mempunyai tuntutan ke atas harta syarikat-syarikat tersebut hendaklah menyatakan tuntutan mereka kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat Kerjasama dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan ini distarkan. Selepas itu tuntutan tidak akan dilayan.



AWANG Haji Salleh bin Hidup ketika menanam sepon pohon pokok 'bulian' sempena pelancaran kempen Hari Kehutanan Sedunia di kawasan Hutan Simpan Berakas.

HUTAN PERLU DIKEKALKAN

BERAKAS. — Hari Kehutanan Sedunia yang diadakan serentak di seluruh dunia pada 12 Mac setiap tahun bertujuan untuk menimbulkan kesedaran manusia dalam mengekalkan dan memelihara tumbuhan semulajadi yang mempunyai kepentingan dalam persekitaran kehidupan umat manusia sehari-hari.

Tahun ini adalah kali kedua Negara Brunei Darussalam meraikan Hari Kehutanan Sedunia yang bertepatan 'Hutan Adalah Warisan Negara'. Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Awang Haji Salleh bin Hidup, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan bertempat di Hutan Simpan Berakas yang merupakan hutan tunggal yang terkecil di negara ini

yang diselajurkan dengan menanam beberapa batang pokok sebagai titik permulaan penanaman dan pemeliharaan kawasan hutan di seluruh negara dalam meningkatkan mutu perhutanan yang lebih produktif.

Dalam ucapan Perasmian pelancaran Hari Kehutanan Sedunia Awang Haji Salleh menyeru supaya hutan-hutan yang ada di negara ini dikekalkan dan ditingkatkan mutunya yang mana boleh diketengahkan nanti sebagai salah satu sumber asli bakal pengganti sumber minyak dan gas.

Beliau menyatakan pencemburuan terhadap hutan dengan sewenang-wenangnya akan menjejaskan alam persekitaran yang secara langsung akan merosakkan kehidupan fauna dan flora

yang berlandung di dalamnya.

Awang Haji Salleh berkata pengeluaran balak adalah mencukupi bagi keperluan negara ini asalkan saja dasar yang ada sekarang dikekalkan iaitu menegah eksploitasi balak dan papan.

Sebelum itu ucapan aluan telah disampaikan oleh Awang Haji Yassin bin Ampuan Salleh iaitu bagi pihak Pengarah Kehutanan. Hutan Simpan Berakas yang letaknya berhampiran dengan pantai Berakas ditubuhkan dalam tahun 1955 mempunyai keluasan 860 ekar.

Menurut Awang Haji Yassin tujuan utama hutan itu dikawal ialah bagi mengekalkan tumbuh-tumbuhan yang begitu baik dan difikirkan boleh menjadi contoh kawasan hutan asal.

Peserta Persidangan lawat tempat menarik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peserta-Peserta Persidangan Belia Islam bagi Asia Tenggara dan Pasifik telah mengadakan lawatan, ke beberapa tempat menarik pada petang Khamis lepas.

Sebelum memulakan lawatan, mereka telah diberikan taklimat oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awg. Hj. Mohammad bin Hj. Serudin di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Tempat yang mula-mula mereka lawati ialah Masjid Omar Ali Saifuddin. Di sana mereka telah berkesempatan melihat secara dekat dalam dan sekitar Masjid itu dan seterusnya ke Lagun.

Dari sana mereka telah dibawa ke Kampong Ayer.

Satu rombongan telah dibawa ke Kampong Burung Pingai di mana mereka mula-mula telah menunaikan sembahyang Asar berjemaah di Masjid Pehin Datu Imam Hj. Mokti sebelum singgah ke rumah Penghulu Mukim Burung Pingai, Pengarah Hj. Othman bin Abd. Kadir.

Sementara rombongan yang lain telah dibawa ke Kampong Setia di mana mereka juga mula-mula telah menunaikan sembahyang Asar berjemaah di Balai Ibadat Kampong Setia sebelum singgah ke rumah Penghulu Mukim Sungai Kebun, Patch Hj. Masri bin Ismail.

Sebelum mengakhiri lawatan mereka telah dibawa melihat satu perusahaan membuat perahu.

Lihat muka 10 dan 11

RBA sertai kejohanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan 20 orang pemain bola sepak dari Kelab Sukan dan Sosial Penerbangan Diraja Brunei telah berlepas ke Kuala Lumpur untuk menyertai kejohanan bola sepak antara syarikat-syarikat penerbangan jumaat lepas.

Kejohanan tersebut adalah di bawah anjuran Syarikat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), bagi merebut 'PIALA KANGGAROO'.

Sebanyak 16 buah syarikat penerbangan yang terdiri daripada Negara-Negara Eropah, Timur Tengah, serta rantau Asia Pasifik dijangka akan turut menyertainya.

Sejurus sebelum pasukan tersebut bertolak, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang dan Perhubungan yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah Penerbangan Diraja Brunei telah menyampaikan jersi pasukan bola sepak tersebut kepada ketua pasukannya Awang Haji Shahrin bin Panglima Haji Muhaddin.



PELAWAT-pelawat Kelas Menaip Sekolah Melayu Kiudang sedang menerima penerangan dari Penyelia Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, Awang Haji Mohd Yassin bin Haji Metassim.

Menaip Kiudang dan Belia Kupang Lawat Pusat LKPT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 40 orang pelajar-pelajar Kelas Menaip Sekolah Melayu Kiudang telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini pada pagi Khamis lepas.

Rombongan itu diketuai oleh Penyelia dan Guru Besar

Sekolah itu, Awang Umar Ali bin Esung dan guru menaip mereka Awang Tengah bin Ahmad.

Sementara itu ahli-ahli Persatuan Ikatan Belia Kampong Kupang seramai 28 orang yang telah diketuai oleh Awang Puasa bin Haji Kula telah juga melawat ke pusat yang serupa pada hari yang sama.

Kedua-dua rombongan itu sebelum dibawa melawat ke berbagai bahagian di pusat itu seperti bahagian pertukangan perak dan tembaga, anyaman dan tenunan, mereka telah diberikan penerangan ringkas oleh Awang Haji Md Yassin bin Haji Metassim, Penyelia Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan.

Perkhidmatan Perubatan Terbang

Kampong	Ulu	Tarikh	Hari
Buau	Belait	2.4.84	Isnin
Benutan	Tutong	3.4.84	Selasa
Mapol	Tutong	4.4.84	Rabu
Lopat	Temburong	9.4.84	Isnin
Biang Menengah			
Lamaling	Temburong	10.4.84	Selasa
Ukong	Tutong	11.4.84	Rabu
Sukang	Belait	16.4.84	Isnin
Belabau	Tutong	17.4.84	Selasa
Melilis	Belait	18.4.84	Rabu
Supon Besar	Tutong	23.4.84	Isnin
Long Mayan			
Supon Kecil jam 1100	Tutong	24.4.84	Selasa
Bukit	Tutong	25.4.84	Rabu
Teraja Apak-apak jam 1100	Belait	30.4.84	Isnin

"Penerbangan tambahan akan diperlukan bagi Perkhidmatan Perubatan Terbang pada melawat Kampong Merangkang, Ulu Belait, bagi bulan April, 1984, jika keadaan plan raya tidak dapat dilalui disebabkan banjir. Tambahan-tambahan penerbangan ini adalah secara terbuka walau bagaimanapun tarikhnya akan ditetapkan lebih awal dari tarikh kejadiannya sedemikian berlaku."

SEKITAR PERSIDANGAN WANITA ISLAM

Pendekatan terhadap hukum Islam

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Dengan adanya kesedaran beragama di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei baru-baru ini telah mengadakan Seminar Wanita Islam bersempena dengan Persidangan Belia Islam Bagi Asia Tenggara dan Pasifik.

Kira-kira 200 orang wanita Islam di negara ini telah menghadiri seminar pada hari tersebut yang masing-masing mewakili dari kira-kira 50 buah Jabatan-Jabatan Kerajaan, Persatuan-Persatuan, Pertubuhan-Pertubuhan, Sektor-Sektor Swasta dan beberapa orang peserta persendirian.

Seminar tersebut telah dilangsungkan di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini pada hari Selasa lepas.

Seminar yang dihasratkan bagi memberi pendekatan dan penjelasan terhadap hukum-hukum Islam dalam amalan sehari-hari yang bersangkutan dengan wanita dalam peranan mereka

OLEH:
Zubidah HS
Gambar-gambar:
Arbee Sabli
Harun Rashid
Haji Sharbini Taha

terhadap keluarga, rumah-tangga dan negara pada hari itu telah berpeluang mendengarkan satu kertas kerja yang bertajuk 'WANITA DALAM ISLAM' yang disampaikan oleh seorang tokoh terkemuka yang didatangkan dari Amerika Syarikat Dr. Ilham Al-Talib.

Terdahulu di majlis seminar itu, ucapan alu-aluan telah diberikan oleh Pengerusi Seminar Datin Hajjah Maznah bte Haji Muhammad.

Seminar seperti ini sering menerima sambutan yang sangat menggalakkan dari kaum wanita Islam di negara ini. Dan ini menampakkan alamat dan petanda bahawa agama Islam tidak pernah diabaikan di negara kita malahan akan terus hidup

dan berkembang buat selamalamanya.

Ini adalah sejajar dengan konsep negara kita yang telah meletakkan Islam sebagai mahkotanya yang paling tinggi dalam ertikata diagung dan diamalkan menjadi kanun dan cara hidup.

Adalah tidak bermakna kiranya seminar atau muktamar mengenai Islam, mengenai politik Islam, mengenai ekonomi dan sains Islam diadakan seperti ini tetapi tuntutan-tuntutan ibadat dan cara hidup yang disuruh oleh Islam tidak kita hiraukan atau dengan kata lain kita abaikan.

Di samping itu, seminar pada hari itu juga diselenggarakan dengan majlis perbincangan bersama tetamu kehormat Dr. Ilham Al-Talib berkenaan dengan peranan wanita Islam dalam hidup berumah tangga, keluarga dan bernegara.

Perbincangan yang agak hangat pada hari itu telah membuat seminar tersebut disambung semula pada hari

Khamis 22 Mac 1984, di rumah kediaman Yang Berbahagia Datin Hajjah Yukmas bte Mohamad isteri kepada YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain di Kampong Lambak Jalan Berakas.

Dr. Ilham Al-Talib sebagai tetamu kehormat di majlis itu telah memberikan syarahan ringkas yang bertajuk 'WANITA ISLAM DALAM PERMODENAN'.

Di samping itu Dr. Ilham juga menerangkan bagaimana menjadi seorang isteri yang baik dalam kehidupan sehari-hari dan peranan wanita Islam dalam membantu suami masing-masing dalam politik bernegara.

Hadir sama di Majlis Seminar pada hari itu ialah Datin Hajjah Kamaliah, isteri Mufti Kerajaan Brunei, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris, isteri Menteri Pelajaran dan Kesihatan serta lain-lain isteri Pegawai Kanan Kerajaan dan isteri Diplomat-diplomat asing.



DR. Ilham Al-Talib tokoh terkemuka Wanita Islam dari Amerika Syarikat ketika membentangkan kertas kerjanya di Majlis Seminar Wanita Islam di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan baru-baru ini (atas sekali)

DATIN Hajjah Maznah bte Muhammad, Pengerusi Seminar Wanita Islam ketika memberikan ucapan alu-aluan kepada kira-kira 200 wanita Islam negara ini yang menyertai seminar tersebut (atas)

'WANITA ISLAM DALAM PERMODENAN' adalah tajuk utama syarahan yang disampaikan oleh Dr. Ilham Al-Talib di rumah kediaman Datin Yukmas di Kampong Lambak (gambar bawah)



DI ANTARA wanita-wanita Islam negara ini yang mewakili Jabatan-Jabatan, Persatuan-Persatuan, Sektor-Sektor Swasta dan persendirian di Majlis Seminar Wanita Islam di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Selasa lepas.

DR. Ilham Al-Talib juga sempat mengadakan lawatan ke Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha di ibu negara. Kelihatan Dr. Ilham Al-Talib sedang bertanyakan sesuatu kepada salah seorang Pegawai Kanan rumah sakit tersebut (gambar bawah).



SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

SISTEM KOMPUTER UNTUK PENDAFTARAN DI DAERAH BRUNEI/MUARA.

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Brunei/Muara akan menggunakan komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan-punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei, dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA.	LETAK TANAH.				
7493	7909	Hj Momin bin Hj Samad	Pirasong.	7967	8381	(I/C No. 033237 Kuning)	Lambak, Berakas.
7711	8125	Gapor bin Muntol	Maribong, Kasat.	7968	8382	Ismail bin Hj Abdullah (I/C	Lambak, Berakas.
7711	8125	Tasat bin Muntol	Maribong, Kasat.	7983	8397	No. 006481 Kuning)	Lambak, Berakas.
7711	8125	Taisah bte Muntol	Maribong, Kasat.			Md. Daud bin Md. Noor	
7721	8135	Senudin bin Munap	Belakang, Subok.	7984	8398	Pg. Tajuddin bin Pg.	Madang, Berakas.
7724	8138	Bakar bin Jabih	Lugu.	7989	8403	Hashim	Madang, Berakas.
7726	8140	Hj Awg. Kadir bin Bakar	Lupak Luas.	7990	8404	Ismail bin Awg. Hassan	Sungai Ketam.
7727	8141	Dolah bin Sahak	Gulang-Gulang.	7995	8409	Abd. Ghani bin Md. Nawawi	
7732	8146	Gafar bin Matassan	Gulang-Gulang.			Awg. Zaini bin Awg. Yassin	
7732	8146	Hj Mahrop bin Daud	Gulang-Gulang.			Mohiddin bin Sahat (ABDB	
7734	8148	Dyg. Sarbanoon bte Mat-		7998	8412	No. 0321)	Katimahar.
		tudin	Ligan.			Hjh Selamah bte Ibrahim	
7734	8148	Mariam bte Buntar	Ligan.	7999	8413	(I/C No. 031125 Kuning)	Kota Batu.
7734	8148	Rafiah bte Buntar	Ligan.	8002	8416	Pg. Bongsu bin Pg. Ahmed	Kota Batu.
7734	8148	Norbanun bte Buntar	Ligan.	8003	8417	Rajah bin Hj Jumat	Jalan Jerudong.
7735	8149	Othman bin Raup	Ligan.			Dy. Asiah bte Durus (I/C	
7736	8150	Awg. Alimi bin Md. Yusof				No. 036979 Kuning)	Masin.
		(I/C No. 047447 Kuning)	Ligan.	8008	8422	Awg. Md. Suni bin Awg.	
7740	8154	Abd. Ghani bin Hj Tengah	Kalamasi, Kasat.	8014	8428	Abd. Hamid (I/C No.	Masin.
7740	8154	Salleh bin Besar	Kalamasi, Kasat.			038331 Kuning)	Panchor Murai.
7743	8157	Ak Damit bin Pg Linong	Pudak.			Buang bin Ludin	
7744	8158	Mohamad bin Taha	Pudak.	8016	8430	Md. Ta'aim bin Ahmad (I/C	Sengkabung.
7746	8160	Jeludin bin Matamit	Pudak.			No. 030595 Kuning)	
7747	8161	Md. Said bin Ja'afar	Pudak.	8016	8430	Sadih bte Hj Badar (I/C	Panchor Murai.
7752	8166	Juma'at bin Tudin	Sg. Tampoi, Sengkabung.			No. 064995 Kuning)	
7778	8192	Puteh bin Matamit	Pudak.	8016	8430	Hjh Nalam bte Pudir (I/C	Panchor Murai.
7782	8196	Dyg. Aminah bte Daud (I/C				No. 004519 Kuning)	
		No. 026440 Kuning)	Gadong, Menglait.	8027	8441	Dy. Hjh Kamariah bte	Panchor Murai.
7782	8196	Rapih bte Daud (I/C No.	Gadong, Menglait.			Saman (I/C No. 062288	
		029557 Kuning)	Gadong, Menglait.	8027	8441	Kuning)	Panchor Murai.
7782	8196	Rosidah bte Hj Md Daud @	Gadong, Menglait.			Awg. Jublie bin Hj.	
		Rosiah bte Ismail (I/C No.	Gadong, Menglait.	8036	8450	Duraman @ Salleh (I/C No.	Kulapis.
		007357 Kuning)	Gadong, Menglait.	8044	8458	027963 Kuning)	
7794	8208	Dyg. Halimah bte Awg.	Lubok Tebangun.	8046	8460	Jarah bte Mohamad (I/C	Kulapis.
		Tamin	Lubok Tebangun.			No. 023115 Kuning)	
7803	8217	Ang Cheng Ho (I/C No.	Tanjong Nangka.	8046	8460	Abd. Rahman bin Hj	Kulapis.
		023771 Kuning)	Kasat.			Duraman (I/C No. 014949	
7811	8225	Mahali bin Md. Yassin	Kasat.			Kuning)	Kulapis.
7811	8225	Dyg. Jijah bte Md. Yassin	Kasat.	8051	8465	Awg. Damit bin Hidup @	
7812	8226	Awg. Hj Momin bin Sagap	Sungai Lampai.			Nasir bin Hidup (I/C No.	Kulapis.
		(I/C No. 003755 Kuning)	Sungai Lampai.	8051	8465	033722 Kuning)	
7812	8226	Fatimah bte Nasir (I/C No.	Sungai Lampai.			Ahmad bin Abu Bakar (I/C	Kulapis.
		003754 Kuning)	Tilong.	8051	8465	No. 034144 Kuning)	
7828	8242	Zainal bin Md. Nashir	Sungai Ketam.			Hjh Maznah bte Hj Muham-	Kulapis.
7848	8262	Mahmud bin Kula	Sungai Ketam.			mad (I/C No. 042172 Kun-	
7852	8266	Abas bin Lamit (I/C No.	Jerudong.	8097	8511	ing)	Kulapis.
		009003 Kuning)	Gadong.			Dk Noor Sinah bte Pg.	Lambak, Berakas.
7864	8278	Hj Daud bin Md. Salleh	Gadong.	8057	8471	Zainal	Sengkabung.
7867	8281	Dyg. Tengah bte Pehin Per-	Jerudong.			Ahmad bin Mudim Bakar	
		dana Wangsa Awg. Ismail	Jerudong.	8060	8474	Abdullah bin Abu Bakar	Sengkabung.
7870	8284	Md. Yusof bin Dato Imam	Kasat.			(I/C No. 020550 Kuning)	
7878	8292	Mail bin Hamid	Manggis, Jalan Muara.	8060	8474	Halimah bte Abdullah @	Sengkabung.
7888	8302	Abdullah bin Tunggal	Sengkabung.			Yea Siew Lan (I/C No.	
7891	8305	Lim Chui Huat (Lim Thian		8060	8474	042085 Kuning)	Sengkabung.
		Huat)		8060	8474	Hj Abd Ghafar bin Serudin	Kasat.
7899	8313	Christina Pauline Chin Min				(I/C No. 009007 Kuning)	
		Heong @ Mrs A.S. Newn	Timbalang, Jerudong.	8069	8483	Dyg. Damit bte Taha (I/C	Kasat.
		(I/C No. 037385 Kuning)	Jerudong.	8077	8491	No. 022527 Kuning)	
7910	8324	Gordon Soo Ming S. on	Jerudong.			Masja @ Maskupah bte Hj	Kasat.
7910	8324	Solomon Soo Boon Ann	Jerudong.	8082	8496	Ghafar/Gapar (I/C No.	
7910	8324	Jacqueline Catherine	Jerudong.	8089	8503	007925 Kuning)	Kasat.
		Keasberry	Jerudong.	8090	8504	Lim Teng Huan (I/C No.	Gadong.
7910	8324	Admund Keasberry	Kumbang Pasang.	8107	8521	093386 Pink)	
7912	8326	Sapar bin Nudin				Bungsu bin Salleh (I/C No.	Sinarubai.
7916	8330	Lau Joon Kiat (I/C No.		8117	8231	029591 Kuning)	
		033207 Kuning)	Jerudong.	8125	8539	Ak. Abdullah bin Pg.	Sinarubai.
7916	8330	Low Joon Kim (I/C No.	Jerudong.	8126	8540	Hashim (I/C No. 037763	Sinarubai.
		011737 Kuning)	Jerudong.	8127	8541	Kuning)	
7918	8332	Ismail bin Ahmad	Sg. Baloi, Menglait.	8131	8545	Ak. Muhammad bin Pg.	Sinarubai.
7918	8332	Ariffin bin Ahmad	Lambak, Berakas.			Hashim (ABDB No. 0713)	Sinarubai.
7921	8335	Hj Naim bin Durahim	Bunot.	8133	8547	Mosli bin Idris (I/C No.	Sinarubai.
7930	8344	Koh Nai Ho	Bunot.			014655 Kuning)	Sinarubai.
7931	8345	Hj Md. Salleh bin Arshad	Bunot.			Pg. Shafudin bin Pg. Jeludin	Kulapis.
7934	8348	Pg. Hitam bin Pg. Hashim		8107	8521	Awg. Abd Hamid bin	Kiarong.
7937	8537	Leong Pun Kong (I/C No.				P.O.K. Di Gadong Ahmad	Tanjong Nangka.
		005761 Kuning)	Salar.	8117	8231	Jumat bin Daud	Sungai Kianggeh.
7948	8362	Pg. Damit binte Pg. Hj	Kulapis.	8125	8539	Ang Chui Bok	Sungai Kianggeh.
		Sulaiman	Jalan Jerudong.	8126	8540	Lim Eng Hsin	
7956	8370	Dua bin Nasir (I/C No.	Mulaut, Sengkabung.	8127	8541	Awg. Abd Rahman bin Awg	Jalan Gadong.
		012188 Kuning)				Judin	Jalan Gadong.
7959	8373	Abd. Talip bin Md. Ali		8131	8545	Md. Yusof bin Awg. Judin	Bunot.
7966	8380	Dk. Norsinah bte Pg. Hj.	Berakas.	8133	8547	Hj. Md. Tuah bin Puteh	Bunot.
		Damit. (I/C No. 026249				Md. Salleh bin Burut	
		Kuning)		8133	8547	Pg. Ahmad bin Pg.	Bunot.
		Dyg. Damit bte Md. Noor				Sulaiman	
				8151	8565	Hj. Abd. Rahman bin Awg.	Menglait, Gadong.
				8152	8566	Hassan	
				8156	8570	Dyg. Fatimah bte Hj. Md.	Menglait, Gadong.
						Yassin (I/C No. 034497 Kun-	
				8162	8576	ing)	Menglait, Gadong.
						Ak. Ismail bin Pg. Hj Damit	
						@ Ak. Daud (I/C No.	Menglait, Gadong.
						023485 Kuning)	
						Md. Yusof bin Md. Daud	Madang, Berakas.
						(I/C No. 007539 Kuning)	Madang, Berakas.
						Azahari bin Md. Daud	
						Minah bte Abdullah (I/C	Sungai Lampai.
						No. 033047 Kuning)	
						Md. Zamzam bin Awg. Salim	Bt. Meluar, Tanjong Bunot.
						(I/C No. 034225 Kuning)	

RTB**minggu ini****RADIO MINGGU INI:****RADIO KITA AGAK DEWASA**

RADIO Brunei kita agak dewasa sudah. Kalau manusia, dalam usia 27 tahun itu agak-agaknya jika kahwin cepat hampir setengah losin (dozen) anak barangkali. Tetapi radio berlainan, apa yang nampak hanyalah perubahan pada saiz bangunan, tenaga pekerjaanya saja. Yang ditinggalkannya pula ialah alat-alat perkakas penyiaran buruk, fail-fail skrip lama, pita-pita rakaman dan sisa-sisa majalah 'Suara Brunei' iaitu lidah rasmi Jabatan Penyiaran dan

Penerangan Brunei dulu. Itulah warisan yang patut disimpan dalam arkib negara.

Selama 27 tahun Radio Brunei mengumandangkan suaranya di udara, bermula dari matahari baru memancar terbit, hinggalah ke gigi tengah malam terus-menerus, tidak berputus-putus selama seminggu. Di hari-hari kebesaran pula menjadi 24 jam memberikan khidmat. Orang-orang Radio Brunei tidak jemu-jemu berkomunikasi.

Dalam jangka 27 tahun itu juga juru-juru hebahnya silih tukar ganti. Namun begitu, ada juga yang tetap kekal menunggu dan meningkat naik jadi senior bergelar Pegawai Penyiaran Tingkat III, naik jadi tingkat II kemudiannya jadi tingkat I. Tetapi sekarang berubah menjadi penerbit dan penolong penerbit pula. Malahan sekarang ini juru-juru hebah Radio Brunei itu kebanyakannya berusia muda-muda belaka, lebih sedikit 27 tahun, agak-seusia dengan Radio Brunei juga. Hanya empat lima orang saja berusia di bawah umur empat puluhan. Dan selebihnya seorang dua orang lama, bertugas setelah setahun dua Radio Brunei ditubuhkan. Pendek kata walaupun Radio Brunei sudah agak dewasa, tetapi suara yang ber-

kumandang di udara sebilang waktu adalah suara-suara dari generasi muda.

Radio Brunei juga turut mendewasakan pemikiran rakyat negara kita ini. Menerusi berbagai-bagai rancangan radio yang boleh diketengahkan, kita tentulah tidak dapat memperkecilkan peranannya sebagai komunikasi massa kerajaan. Radio Bruneilah lidah rasmi Kerajaan. Dia juga merupakan jambatan penghubung yang setia dan baik perjalanannya, antara Kerajaan dengan orang ramai atau sebaliknya.

Secara spontan, Radio Brunei dapat meredakan khabar-khabar angin (rumours) yang merebak tidak tentu pasal di kalangan rakyat. Secara halus radio juga berfungsi sebagai alat propaganda Kerajaan, dan kadangkala radio melakukakan pemujukan kepada orang ramai, agar setia bernegara, taat beragama, patuh berpujian dan sebagainya. Pendek kata, selama 27 tahun Radio Brunei berfungsi sebagai media komunikasi dua hala (Two-Step-Flow Communication). Cara begitulah yang berkesan sekali bagi mempengaruhi pendapat ramai.

Memang tidak dapat dinafikan sekarang ini kepentingan Radio Brunei, kalau kita perbandingan perkembangannya di tahun-tahun 60an dulu. Mengikut laporan State of Brunei Annual Report 1970, bahawa dalam tahun 1963 hanya terdapat lebih kurang 12,000 receivers, maksudnya alat penerima atau radio di Brunei. Para pendengarannya pun agak terbatas, jadinya matlamat pembangunan di segi moralnya kurang sampai ke pengetahuan ramai. Tetapi sekarang ini dipercayai 100 peratus rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam memiliki peti-peti radio. Di samping itu, terdapat juga para pendengar dari luar negeri. Justeru itu, feed back atau kesan timbal balik dari para pendengar juga menggalakkan. Itulah satu kedewasaan yang ditunjukkan oleh Radio Brunei.

**Bintang Kecil Radio 84**

PERTANDINGAN Kemuncak Bintang Kecil Radio 84 kali ke-7 yang disiarkan secara langsung dari Dewan Raya RTB pada 17 Mac, 1984 sudahpun berlalu, dengan 10 orang peserta membawakan Lagu-lagu Pilihan dan Lagu Wajib yang mana Lagu-lagu Wajib adalah lagu-lagu tempatan hasil ciptaan penulis serta penggubah tanahair yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Johan Pertandingan Bintang Kecil 84 disandang oleh:—

Ak. Mohd. Yusri bin Pg. Yahya yang menerima wang tunai \$1,000.00, Oskar Iringan dan menerima Oskar Rebutan. Dari Daerah Brunei-Muara.

Naib Johan disandang oleh Ak. Shaiful Rezal Malek Faesal bin Pengiran Merali, menerima wani tunai \$700.00 beserta Oskar Iringan. Dari Daerah Brunei-Muara.

Ketiga disandang oleh Noraini bte Bungsu menerima wang tunai \$500.00 beserta Oskar Iringan. Juga Dari Daerah Brunei-Muara.

Tujuh orang peserta yang lain menerima wang tunai \$200.00 beserta Oskar Iringan.

Pertandingan Bintang Kecil 84 pada malam tersebut ditaja oleh Syarikat Pemasaran Shell Brunei Berhad.

Dalam gambar kelihatan ketiga-tiga pemenang dengan hadiah masing-masing. Dari kiri Ak. Shaiful Rezal Malek Faesal, Noraini Bungsu dan Ak. Mohd. Yusri.

Sandiwara Radio NASIB SI BUTA

Oleh: **A Mohammad Timbang**

DALAM kisah yang berjudul "Nasib Si Buta," penulis telah menonjolkan tentang kesetiaan dan kesabaran seorang isteri terhadap suaminya tidak kira di masa kesenangan mahupun kesesahan. Cerita ini lahir dari tulisan A. Mohamad Timbang, Negara Brunei Darussalam.

Gazali, suami Dewi yang menjadi buta setelah menderit kemalangan jalan raya, sering saja menerima penghinnaan dari ibu mertuanya Aloyah. Tanpa memikirkan perasaan yang ditanggung oleh Dewi, Aloyah dari masa ke semasa meneruskan niat jahatnya untuk memisahkan Dewi dari Gazali.

Dalam diam-diam Aloyah masih menaruh harapan untuk bermenantikan Zaman, seorang yang berkedudukan tinggi, dan bekas tunang Dewi. Bagaimanapun keteguhan hati Dewi tidak dapat diruntuhkan olehnya.

Kerana terlalu kerap bertengkar dengan ibunya, Dewi berazam untuk meninggalkan rumah ibunya bersama suaminya. Tetapi belum sempat Dewi berbuat demikian, ibunya terlebih dahulu menghalaunya.

Sejak mereka tinggalkan, Aloyah tinggal seorang diri. Kerana kelalaiannya, ia menemui kemalangan di rumahnya sendiri. Apakah kemalangan yang menimpa Aloyah? Dapatkah ia diselamatkan? Kisah selanjutnya akan dapat diikuti dalam ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini yang disiarkan pada 1 April, 1984, jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dayang Helen Thu.

DENDANG REMAJA

KELUARAN ketiga belas minggu ini menampilkan KIFLI MD. SALLEH dari daerah Brunei-Muara dan AMINAH HJ. ABD. RAHMAN dari Kuala Belait. Ikutilah persembahan mereka pada hari JUMAAT 30 Mac, 1984 jam 4.00 petang. Ulangannya ke udara hari AHAD pukul 11.00 pagi.

**KIFLI SALLEH****AMINAH A RAHMAN****Mari Memasak SALAD TELUR BERHIAS**

- 10 biji telur ayam
- ½ cawan tomato sos
- 1 sudu makan gula
- 1½ sawan santan pekat
- garam dan bahan perasa secukupnya minyak untuk menggoreng.

Bahan-bahan Dikisar:

- 12 batang lada kering
- 2 biji bawang besar
- 6 biji bawang merah
- 3 ulas bawang putih
- 2 butir buah keras
- 2 inci halia
- 1 batang serai.

Bahan-bahan Sayuran:

- 1 biji sengkawang (yang sedang besarnya)
- 1 batang timun
- 3 biji buah tomato.

Cara:

1. Telur direbus sampai keras kemudian dikupas kulitnya dan digoreng hingga kekuningan.
2. Tumiskan bahan-bahan kisar hingga kering lalu masukkan tomato sos dan bahan-bahan perasa iaitu gula, garam dan serbuk perasa. Masak kuahnya hingga pekat, lalu masukkan telur yang sudah digoreng tadi lalu dihias dengan sayur-sayurannya.

MENJADI SUARA LATAR

RADIO Televisyen Brunei melalui Bahagian Alihsuara sukacita mempelawa permohonan daripada mereka (lelaki dan wanita) yang berminat dan mempunyai kebolehan tertentu untuk menjadi suara latar dalam rancangan-rancangan dokumentari yang bakal dialihsuarkan.

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

1. Pemohon-pemohon mestilah berusia 18 tahun ke atas.
2. Sekurang-kurangnya menduduki Tingkatan V aliran Inggeris.
3. Mempunyai suara yang bermutu baik dan sesuai untuk rancangan-rancangan dokumentari.
4. Fasih membaca serta mempunyai artikulasi dan irama pembaca yang baik.

Pemohon-pemohon akan dipanggil untuk menjalani ujian pemilihan dan mereka yang terpilih akan diambil secara berkontrak.

Sila hantarkan borang di bawah tidak lewat jam 4.00 petang tanggal 11 April, 1984.

Kepada:

PENYELIA ALIHSUARA
Tingkat 6
Radio Televisyen Brunei
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Nama:

Alamat:

Umur:

Pekerjaan:

Jabatan:

Nombor Telefon Pejabat:

Nombor Telefon Rumah:

Kelulusan:

Dari Pendengar Untuk Pendengar

LAGU-lagu dendangan Maya Rumanitir dan Rita Buntar menjadi pilihan Dayang Aminah bte Abdullah di alamat Kampung Perpindahan Kuala Belait, menerusi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar.

Dayang Aminah akan bersama awda sekalian pada hari Selasa 3 April jam 4.00 petang.



SEKITAR PERSIDANGAN BELIA ISLAM

Gambar-gambar:
Haji Sharbini
Rabae Sabli
Pg Bakar
Pg Yakub



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara ketika berangkat bercemar Duli di upacara pembukaan rasmi persidangan tersebut.




KELIHATAN sebahagian dari jemputan khas dalam majlis penutup Persidangan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah membentangkan satu kertas kerja mengenai "Pelaksanaan Islam — Pengalaman Negara Brunei Darussalam."



KELIHATAN Yang Berhormat Encik Anuar Ibrahim dari Malaysia menyampaikan kertas kerjanya "Ke Arah Masyarakat Islam: Peranan Belia".



DR. AHMAD Totonji, dari Perhimpunan Belia Islam Sedunia ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk "Pergerakan Belia Islam Mutakhir: Pencapaian serta penghadannya."

TITAH KEBAWAH D
PADUKA SERI BAGI
BOLKIAH MU'IZZ
SULTAN DAN YAN
BRUNEI DARUSSALA
PERSIDANGAN BELI
DAN PASIFIK, PADA
DI MAKTAB PER
BE

BISMILLAH

Assalamu Alaikum

Alhamdulillah, syukur Ke hada limpah rahmat-Nya yang dengan ramai hadir di Majlis yang bersejaja Besar kita, Muhammad Sallallahu ta pengikut-pengikut Baginda ya

Beta merasa gembira dan ingi Islamic Dakwah Council of Sou Assembly of Muslim Youths keran jadi tuan rumah bagi Persidangan Pasifik yang mana ini deng Pertubuhan-Pertubuhan berkena Begitu pun juga. Beta merasa penceramah yang mempunyai p bidang dakwah Islamiah yang d negara-negara Asia Pasifik. Keha menandakan perhatian mereka y pada masa ini. Tidak syak lagi wakil belia-belie Islam dari p negara-negara Islam pada hari umat Islam dalam usaha untuk dakwah Islamiah. Golongan belia dari seluruh masyarakat Islam da di dalam gerakan-gerakan dan dalam usaha-usaha untuk men fahaman-fahaman yang menga ahli-ahli perwakilan di Persidangan rumusan yang bermanfaat bagi

Beta bersyukur Ke hadarat Al takdirkan Negara Brunei Darussa ke-14 lagi yang mana unsur-un hingga pada masa ini, hasil dari u lampau. Adalah menjadi hasr memelihara ajaran-ajaran Islam s suatu cara hidup dan landasan Darussalam — sesuai dengan ke negara. Salah satu usaha yang masa ini ialah untuk memper kehendak-kehendak hukum Isl dapat dilaksanakan dengan sece masih kekurangan dari segi tenaga Allah, Kerajaan Beta akan beru tuan kepakaran termasuk latih Isl yang telah berpengalaman.

Dengan mendahulukan lafaz rasmikan Persidangan Belia Isl

Wabillahi Taufik Walhiday Wabarakatuh.

IN THE NAME OF AL
THE
Peace

All praises to Allah, thanks to Al His blessings and with His cons auspicious occasion, and our pr Muhammad Sallallahu Alaihi W and true followers to the end of

I feel happy and would like to o Council of South East Asia and the Youths for choosing Negara Bruna Youth Conference for South East shows the confidence of those Darussalam. I am also pleased a knowledge and experience in the States of America, Europe and co these outstanding figures at this C the present activities of Islamic dai of these Islamic personalities and y of the Islamic people in the effort dakwah. Islamic youths represent communities and they play an imp of Islam dakwah, including the ideologies which threaten the Isl delegations at this Conference wou the good of all the Islamic people.

I am thankful to Allah, the all Negara Brunei Darussalam to be a the result of which it was able to a time, through the efforts of previ as well as that of my Governme teachings in accordance with Ahl foundation in the administration Darussalam — in line with the po country. One of the efforts being u to adapt the law of the country bas and teachings. This effort could n Brunei Darussalam is still short of wills it, my Government would en cluding training in this field from

In the name of Allah, the Comp Muslim Youth Conference for Sou

28 Mac, 1984.

NG MAHA MULIA ULTAN HASSANAL N WADDAULAH, ERTUAN NEGARA EMBUKAAN RASMI M ASIA TENGGARA 1984, BERTEMPAT N UGAMA SERI

NIRRAHIM

Wabarakatuh.

Wataala di atas segala
a membolehkan kita beramai-
elawat serta salam ke atas Nabi
llam, Kerabat dan Sahabat ser-
etia hingga ke akhir zaman.

memberikan penghargaan kepada
a and the Pacific dan World
egara Brunei Darussalam men-
lia Islam Asia Tenggara dan
membuktikan kepercayaan
Negara Brunei Darussalam.
ngan kehadiran penceramah-
dan pengalaman yang luas di
Amerika Syarikat, Eropah dan
tokoh di Persidangan ini adalah
hadap bidang dakwah Islamiah
n tokoh-tokoh Islam dan per-
ertubuhan dakwah Islam dari
mbarkan semangat perpaduan
dan memajukan lagi bidang
merupakan golongan terbesar
mainkan peranan yang penting
dakwah Islamiah, termasuklah
jua pengaruh-pengaruh dan
slam. Beta berharap semogalah
n dapat melahirkan rumusan-
Islam.

Wataala kerana telah men-
sebuah negara Islam sejak abad
an itu telah dapat diresapkan
sultan-Sultan negara ini di masa
Kerajaan Beta untuk terus
li Sunnah Wal Jamaah sebagai
Ibrian Kerajaan Negara Brunei
ma Islam sebagai ugama rasmi
nakan oleh Kerajaan Beta pada
ndang-undang negara dengan
im Syara'. Usaha ini tidaklah
na Negara Brunei Darussalam
rkemahiran di bidang ini. Insha
mendapatkan kemungkinan ban-
bidang ini dari negara-negara

Hirrahman Nirrahim, Beta
gara dan Pasifik tahun 1984.

lamualaikum Warahmatullahi

COMPASSIONATE,

L.
u all.
pure and the most exalted for all
all able to be present at this
reetings to our great Prophet,
family and friends and his loyal

preciation to the Islamic Dakwah
d the World Assembly of Muslim
um to be the host for the Muslim
he Pacific which in itself clearly
tions towards Negara Brunei
nce of lecturers who have wide
lamic dakwah from the United
he Asia Pacific. The presence of
indicates their deep interests in
re is no doubt that the gathering
y portrays the spirit of solidarity
and further develop the Islamic
t group in the whole of Muslim
in the activities and propagation
to counter any influence and
on. I hope that members of the
to formulate beneficial ideas for

l the most exalted for destining
country since the 14th century as
mic influences up to the present
of this country. It is my intention
tinue in preserving the Islamic
Wal Jamaah as a way of life and
Government of Negara Brunei
lam as the official religion of the
by my Government at present is
requirements of the Islamic law
plemented in a hurry as Negara
nan-power in this field. If Allah
obtain the required expertise in-
ed Islamic countries.

the Merciful, I officially open the
s and the Pacific of 1984.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Permaisura diiringi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, sejurus sebelum majlis penutupan rasmi.



SEBAHAGIAN dari tokoh-tokoh Ilmiah Islam dari kiri Dr. Anis Ahmad (Pakistan); Dr. In'amullah Khan (Pakistan); Prof. Jaafar Sheikh Idris (Sudan) dan Prof. Ismail Faruqi (Amerika Sharikat).



SEBAHAGIAN daripada perwakilan yang meminta giliran untuk bercakap dalam salah satu sesi persidangan.



PARA peserta dari luar negeri telah sempat dibawa melawat ke kampung Ayer di mana mereka telah diraikan oleh Ketua Kampong Burong Pinggai, Pengarah Haji Othman bin Abd Kadir di rumah beliau.



PESERTA Persidangan dan salah seorang wakil pertubuhan Islam kelihatan sedang diberi penerangan oleh Pengetua Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Awang Haji Mustafa Ahmad.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 28 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 THE INCREDIBLE HULK
5.20 DIFFERENT STROKES
5.45 3 2 1 CONTACT
6.00 BERITA AWAL
6.05 3 2 1 CONTACT — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE: "Steele In Circulation" (Episod terakhir) Laura dan Remington terlibat dalam kehidupan punk rock apabila membuat siasatan ke atas kehilangan wang berjumlah 2.3 juta dolar dari Federal Reserve Bank di mana wang itu akan dimusnahkan.
7.45 AZAN ISYAK
7.52 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAPORAN POLO ANTARABANGSA BRUNEI (High Goal)
9.05 LIPUTAN NASIONAL
9.35 APANYA KATANI
10.25 ROAD TO WEMBLEY: "Oxford lwn Sheffield Wednesday"
11.15 TAYANGAN GAMBAR: "The Revengers"
Ketika kembali ke ladangnya seorang penternak Colorado mendapati sekumpulan penjahat-penjahat telah melarikan kuda-kudanya setelah membunuh keluarganya. Setelah mengetahui ketua penjahat itu, dia pun bertindak untuk membalas dendam. Pelakon-pelakon: William Holden, Susan Hayward, Ernest Borgnine, Woody Strode, dan lain-lain.
11.45 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 29 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 TAKE HART: "Connections"
6.00 BERITA AWAL
6.05 SISTEM EJAAN BARU (Ulangan)
6.30 WORLD OF SURVIVAL: "The Roaring of The Deer"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 WORLD OF SURVIVAL — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM: "Holiday In The Hills"
A Team membuat pendaratan cemas di satu kawasan hutan di mana mereka terpaksa bertembung dengan penduduk-penduduk tempatan kerana hendak menyelamatkan seorang mangsa yang hendak dibakar.
7.45 AZAN ISYAK
7.52 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAPORAN POLO ANTARABANGSA BRUNEI (High Goal)
9.05 HIDAYAT
9.35 DUNIA MINGGU INI
10.05 HAWAII FIVE O: "A Distant Thunder"
10.55 PAUL HOGAN SHOW
11.25 POT BLACK: "Davis lwn Dennis Taylor"
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 30 MAC

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-

YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.25 ROAD TO LOS ANGELES: "Staple Chase and Boxing"
2.20 BOOK ADVENTURES: "Dirkham Detective Agency"
Tiga detektif baru mendapati tugas-tugas mencari anjing-anjing dan kucing-kucing yang hilang kanak-kanak (kid's stuff). Mereka telah diupah oleh seorang doktor versina untuk mencari dua anak-anak anjing yang telah di"culik".
3.05 ROAD RUNNER SHOW
3.30 IN SEARCH OF: "In Search of Psychic Seahunt"
3.48 AZAN ASAR
3.54 THUNDERBIRDS
4.25 YOU ASKED FOR IT
4.50 OMNI, THE NEW FRONTIER
5.35 MORK AND MINDY (Animasi)
6.00 BERITA AWAL
6.05 BENJI: "Goodbye Earth"
6.30 TEKA TEPAT
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE PAPER CHASE
7.45 AZAN ISYAK
7.52 THE PAPER CHASE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAPORAN POLO ANTARABANGSA BRUNEI (High Goal)
9.05 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
9.15 LIPUTAN NASIONAL
9.45 DRAMA: SEPANJANG JALAN: "Lambaran Baru"
10.15 DALLAS: "The Morning After"
The Oil Barons' Ball berakhir dengan menimbulkan kenangan-kenangan yang sukar untuk dilupakan oleh yang menghidrinya.
11.05 WKRP IN CINCINNATI: "A Mile In My Shoes"
11.35 MAGNUM: "Squeeze Play"
12.25 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 31 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 GILLIGAN'S PLANET: "Bumper To Bumper"
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOUNG PEOPLE SPECIAL: "P.R."
6.30 JENNIFER SLEPT HERE: "Boo"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 JENNIFER SLEPT HERE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER: "The Survival Syndrome"
Sgt. Hooker dituduh menembak seorang penjenayah muda yang tidak bersenjata. Romano mendapat kecederaan di kepalanya ketika satu keganasan meletus di sebuah jalan raya yang sibuk.
7.45 AZAN ISYAK
7.52 T. J. HOOKER — sambungan
8.35 LAPORAN POLO ANTARABANGSA BRUNEI 1984 (High Goal)
9.05 LIPUTAN NASIONAL
9.35 MARI MEMASAK: "Salad Telur Berhias"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
10.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "40 Carats"
Kisah seorang janda pertengahan umur jatuh cinta dengan seorang pemuda separuh umurnya. Anak perempuan wanita itu pula berkahwin dengan seorang duda 40an dari Tulsa. Kemudian si ibu dengan pertolongan bekas suaminya bertolak ke Greece untuk mengahwini lelaki pilihannya. Pelakon-pelakon: Liv Ullman, Edward Albert, Gene Kelly, Binnie Barnes, dll.
1.00 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 1 APRIL

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 GEORGE OF THE JUNGLE
2.45 LADIES MAN: Komidi mengenai seorang penulis lelaki yang bekerja di sebuah majalah bulanan wanita yang mempunyai semua kakitangan wanita. Bagaimanakah lelaki ini menyesuaikan dirinya dengan wanita-wanita itu dan kehidupan peribadinya?
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.44 AZAN ASAR
3.50 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.10 LOVE BOAT
5.10 APANYA KATANI (Ulangan)
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN AND HIS AMAZING FRIENDS
6.30 BENSON: "What A Revolting Development"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 BENSON — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON: "Needle In A Haystack"
Apabila Matt Houston cuba memecahkan sekumpulan penyeludup asing, dia mendapati dirinya berada di Tijuana, Mexico melawan masa untuk menyelamatkan seorang budak lelaki yang mengidap penyakit kencing manis.
7.45 AZAN ISYAK
7.52 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAPORAN POLO ANTARABANGSA 1984 — HIGH GOAL
9.05 PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN ANTARABANGSA (Sabah)
10.05 FORUM
11.05 TO THE MANOR BORN
11.35 FIGHTER PILOT: "Fear Of Failing"
12.05 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 2 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN

RANCANGAN TVP dari 2-4 April

ISNIN 2 APRIL

PAGI

- 8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Haiwan)
Semua binatang yang terdapat di dunia ini dibahagikan kepada dua kumpulan besar. Tahukah kamu kumpulan-kumpulan tersebut? Ikutilah rancangan ini nanti bersama-sama dengan Cikgu Satari.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Numbers 1, 2 and 3)
Dalam rancangan ini Izat mengajar Jay Jay angka-angka 1, 2, and 3 dalam Bahasa Inggeris. Di Magic Pool mereka nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'I'. Mereka juga menyanyi sebuah lagu yang bernama "Thee Little Ducks".
10.35 SAINS UNTUK DARJAH 5 (Tumbuhan dan Kegunaannya)
Dalam rancangan ini murid-murid akan dapat mengenal bermacam-macam jenis tumbuhan, saiznya dan tempat tumbuhnya.
Sungguhpun tumbuhan yang terdapat di muka bumi ini sangat banyak tetapi tumbuhan hanya dapat kita bahagikan kepada empat kumpulan besar. Apakah kumpulan-kumpulan itu? Adakah tumbuhan berguna kepada manusia.
Ya, untuk mengetahui jawapannya, ikutilah rancangan ini.

4.30 SUPERFRIENDS

- "Superfriends vs. Superfriends"
5.30 AMAZING WORLD
6.00 BERITA AWAL
6.05 AMAZING WORLD — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST: "Partners"
Dr. Lantry memberitahu Maggie bahawa dengan pembedahan saja boleh menyelamatkan nyawa Chase. Maggie rasa remuk berkecai melihat Chase yang hampir maut dan mempersetujuinya kepada pembedahan itu.
7.45 AZAN ISYAK
7.52 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 WRESTLING
9.55 DOCUMENTARY — "Everest: The Last Unclimbed Ridge"
10.45 HIGH PERFORMANCE
11.35 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 3 APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 CANTINFLAS
5.00 BUGS BUNNY SHOW
5.25 CAMP WILDERNESS: "Reel Fun"
5.50 WHIZ KIDS: "Airwave Anarchy"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WHIZ KIDS — sambungan
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 WHIZ KIDS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS. KING: "Magic Bus"
7.45 AZAN ISYAK
7.52 SCARECROW AND MRS. KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 DYNASTY: "The Wedding"
10.30 TAYANGAN GAMBAR: "A Question Of Guilt"
12.00 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
12.30 SIARAN TAMAT.

SELASA 3 APRIL

PAGI

- 8.50 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Elektrik 1).
Dalam kehidupan kita sehari-hari, kita banyak menggunakan alat-alat perkakas yang memerlukan tenaga elektrik. Tenaga elektrik dapat kita bahagikan kepada dua bahagian:
1. Tenaga elektrik statik
2. Tenaga elektrik arus.
dan
Dalam rancangan ini, murid-murid akan belajar berkenaan dengan tenaga elektrik statik.
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Numbers 1, 2 and 3).
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Haiwan).

RABU 4 APRIL

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Tumbuhan dan Kegunaannya).
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Numbers 1, 2 and 3).
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Elektrik 1).

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menaikkan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi

10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari Jumaat)

3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU 28 MAC

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15—Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30—Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00—Dunia Wanita (SU), 2.30—Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30—Bahas Dari Sekolah-sekolah (SU), 4.00—Serbanika Hiburan (SU), 4.30—Bangsawan Di Udara (Majik Saifulizan siri ke-3), 5.00—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Permintaan Sukaramai, 8.45—Diang Dangan, 9.00—Hiburan Malam.

HARI KHAMIS 29 MAC

PAGI: 9.00—Pertanian (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30—Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00—Tetamu Radio, 2.30—Rencana Khas, 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Majalah Ugama, 4.00—Irama Gambus / Asli / Ghazal / Zapin, 4.30—Rampai Petang.

MALAM: 7.00—Bacaan Surah Yassin, 8.15—Hiburan Malam, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-Lagu Asli, 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 30 MAC

PAGI: 9.30—Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30—Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Mutia Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran, 12.15—Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menunai Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: Selingan Irama, 1.45—Lagu-Lagu Instrumental.

PETANG: 2.00—Siaran Langsung Pembukaan Rasmi Seminar Belia Islam, 3.15—Diang Dangan (SU), 3.30—Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00—Dendang Remaja, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00—CERPEN Dan Salukan, 8.15—Hiburan Malam, 8.30—Majalah Ugama (SU), 9.00—Atam Remaja (SU), 9.30—Hiburan Malam.

HARI SABTU 31 MAC

PAGI: 9.00—Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Riang Ria, 9.45—

Soalan Di Udara (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30—Lagu-lagu dari film.

PETANG: 2.00—Permintaan Hujung Minggu, 3.15—Hiburan Petang, 3.30—CERPEN Dan Salukan (SU), 4.00—Mutia Asli (SU), 4.30—Rampai Petang, 5.45—Kutiah Ugama.

MALAM: 7.00—Tinjauan (SU), 8.15—Syair Perlembagaan, 8.30—Bangsawan Di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 1 APRIL

PAGI: 9.30—Taman Mekar, 10.15—Hiburan, 10.30—Sandiwara Radio, 11.00—Dendang Remaja (SU), 11.30—Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah dan Ucapan Selamat, 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00—Serbanika Hiburan, 2.30—Rencana Khas, 3.15—Majalah Sukan, 3.45—Titian Budaya, 4.00—Senandung Lagu-Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait (SU), 4.30—Bujang Si Gandam, 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Hiburan Senja.

MALAM: 7.00—Seni dan Sastera, 8.15—Hiburan, 8.30—Suara Perajurit, 9.00—Senandung Malam, 9.30—Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 2 APRIL

PAGI: 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30—Pertanian, 11.00—Ira Kencana.

T/HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30—Citra Dalam Syair (SU), 3.15—Syair Perlembagaan, 3.30—Alam Remaja, 4.00—Rampai Petang, 4.15—Ruangan Katani, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Hiburan Senja.

MALAM: 7.00—Majalah Sukan (SU), 8.15—Hiburan Malam (SU), 8.30—Kutiah Ugama (SU), 8.45—Lagu-lagu Keroncong, 9.00—Hiburan Malam, 9.30—Kutjukan Lagu.

HARI SELASA 3 APRIL

